

KESEMBILAN

Ninth

PERTAMA

First

Jilid 1 Bil. 21 Hari Rabu 27hb. Disember, 1995

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 1995 (Ruangan 40)

Rang Undang-undang Pendidikan 1995 (Ruangan 69)

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEMBILAN
Penggah Yang Pertama
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Adam bin Kadir, D.I.M.P. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Abdul Rashid bin Ismail, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M.
(Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Abdul Salam bin Awang, A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chong Chi Siong @ Chong Fah (Negeri Sembilan)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Frankie Chong Yu Chee, A.D.K. (Sabah)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Tuan Haji Dol bin Dolah, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Eng Hoi Choo (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

- “ Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad, A.B.S. (Sarawak)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafain, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I.,
A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Tuan Isli bin Haji Siput (Dilantik - Wilayah Persekutuan Labuan)
- “ Tuan Itam Wali bin Nawan, P.P.N. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad, A.M.N., A.N.S., P.M.C.,
P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan B.O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N.
(Dilantik)
- “ Puan Kalthom binti Haji Othman (Kelantan)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P.
(Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Kelsom binti Yaacub, A.M.P., P.J.K. (Pahang)
- “ Puan Kian Sit Har, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)

- “ Datuk Maidom P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- J.P. “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K.,
(Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l
Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K.
(Perak)
- “ Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud (Kelantan)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin (Dilantik)
- “ Tuan Ng See Tiong, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor)
- “ Dato’ (Ir.) Ng Thian Hock, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dr. Ng Yen Yen, P.J.K. (Pahang)
- P.P.N. “ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N.,
(Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Tuan Rahim bin Baba, A.M.P. (Dilantik)
- “ Tuan Saad bin Haji Man (Dilantik)
- “ Tuan Saidin bin Mohamad (Perlis)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)

- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim (Dilantik)
- “ Dato’ Soong Siew Hoong, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S., J.S.M.
(Dilantik)
- “ Tuan Tan Son Lee (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S.,
.M.S.,
A.M.N. (Dilantik)
- “ Datuk K. Vijayanathan a/l Kesava Pillai, D.J.N., K.M.N., P.J.K.
(Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K.,
A.M.S.
(Dilantik)
- “ Tuan Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M.,
P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Sharmugam a/l R.M.S. Mutaya (Selangor)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara:	Haji Mohamed Salleh bin Abu Bakar, K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik
Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
	Haji Suhor bin Husin

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Hajah Supiah binti Dewak
Hajah Kalsom binti Ghazali
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Rozita binti Abd. Samad

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 27hb. Disember, 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**KEPANASAN EKONOMI (OVERHEATING ECONOMY) -
TINDAKAN MENGATASI**

1. Tuan Michael Bong Thiam Joon minta Menteri Kewangan menyatakan peningkatan gaji pekerja, ketidakseimbangan dagangan dan kenaikan inflasi adalah faktor-faktor yang boleh menjadi tanda-tanda masalah kepanasan ekonomi (overheating economy) dan ada tanda-tanda menunjukkan perkara ini telah berlaku. Apakah tindakan secara menyeluruh diambil oleh kerajaan untuk mengatasi overheating ini dari berlaku.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah berjaya mencatatkan kadar pertumbuhan yang tinggi selama 8 tahun berturut-turut. Yang amat unik sekali ialah keupayaan

kita mencapai kadar pertumbuhan yang tinggi dengan kadar inflasi yang rendah. Misalnya, bagi tempoh 10 bulan pertama tahun ini kadar inflasi di Malaysia adalah hanya 3.5%. Oleh itu tidaklah tepat untuk menyatakan ekonomi Malaysia mengalami kepanasan atau dengan izin, overheating. Namun begitu, kerajaan sedar bahawa pertumbuhan ekonomi yang pesat telah mendatangkan kesan-kesan tertentu seperti kekurangan tenaga kerja yang disebabkan banyak peluang pekerjaan yang wujud sehingga menyebabkan peningkatan upah. Di samping itu, terdapat juga ketidakseimbangan dagangan yang merupakan kesan jangka pendek berikutan peningkatan import barangan modal untuk memperkembangkan kapasiti pengeluaran jangka panjang negara, khususnya bagi menampung pembangunan perindustrian dan infrastruktur negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan pertumbuhan ekonomi terus mampan dengan kadar inflasi yang terendah serta memperkukuhkan lagi struktur ekonomi negara, kerajaan telah dan akan terus memperkenalkan langkah-langkah yang sewajarnya, termasuklah yang diumumkan dalam Belanjawan 1996. Langkah-langkah ini antara lain adalah bertujuan:-

- (i) memperkukuhkan daya saingan negara berasaskan peningkatan produktiviti pembangunan sumber manusia dan keupayaan teknologi negara;
- (ii) mengurangkan kandungan import dalam aktiviti ekonomi negara dengan mempereratkan rantaian antara industri,

khususnya melalui pembangunan industri kecil dan sederhana;

- (iii) mengukuhkan akaun perkhidmatan imbalan pembayaran;
- (iv) mengawal kadar inflasi dengan menggalakkan tabungan, membendung perbelanjaan penggunaan yang berlebihan dan menambahkan bekalan barangan makanan serta mengurangkan duti import; dan
- (v) mengawal kenaikan harga hartanah yang keterlaluan.

KENAIKAN HARGA BARANGAN - TINDAKAN KE ATAS PENIAGA

2. Tuan Haji Sairin bin Karno minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil ke atas peniaga-peniaga yang telah menaikkan harga barangan secara kilat sebaik sahaja pengumuman penerimaan Cuepacs ke atas kenaikan gaji sebanyak RM2 bilion oleh kerajaan; dan
- (b) mengapa masalah kekurangan pegawai penguatkuasaan terlalu lambat diselesaikan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Harga barang-barang di negara kita adalah tidak dikawal mengikut undang-undang, kecuali barang-barang yang telah diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan yang mana harganya adalah dikawal secara pentadbiran. Ini bermakna peniaga-peniaga tidak boleh

menaikkan harga barang-barang tersebut tanpa mendapat persetujuan kerajaan terlebih dahulu. Kementerian sedar sememangnya terdapat peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab yang sentiasa mencari alasan untuk menaikkan harga barang-barang. Pengumuman kenaikan gaji sektor awam dan musim perayaan adalah di antara alasan-alasan yang ditunggu-tunggu oleh peniaga-peniaga berkenaan. Pegawai-pegawai penguatkuasa di semua cawangan di seluruh negara telah diarah supaya mempertingkatkan pemeriksaan di premis-premis perniagaan, termasuk pasar-pasar basah dan pasar-pasar malam.

Pemeriksaan yang dijalankan adalah untuk menentukan peniaga-peniaga meletakkan tanda harga ke atas setiap barang yang dipamerkan untuk jualan, alat timbang dan sukat yang digunakan sah dan telah ditentusahkan, jualan murah yang diadakan adalah tulen, tidak berlaku penipuan berhubung dengan salah perihal dan tindakan-tindakan lain yang berkaitan. Tindakan undang-undang akan diambil terhadap peniaga-peniaga yang didapati melanggar peruntukan undang-undang di mana peniaga-peniaga boleh dikenakan tindakan kompaun ataupun pertuduhan di mahkamah.

- (b) Permohonan sesuatu jawatan dalam sektor awam perlu mengikuti prosedur yang ditetapkan dan terpaksa dikaji serta dipertimbangkan

oleh beberapa agensi pusat kerajaan. Permohonan jawatan tambahan di Bahagian Penguatkuasa sedang dalam proses pertimbangan dan jika diluluskan, pengisian jawatan-jawatan tersebut akan dilakukan dengan secepat mungkin. Pertambahan jawatan-jawatan ini perlu untuk membolehkan Bahagian Penguatkuasa bertindak dengan lebih berkesan lagi dalam usaha membanteras penyelewengan yang dilakukan oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab, pendidikan kepenggunaan, kempen anti-inflasi dan tugas-tugas lain yang kian meningkat dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya Yang Berhormat akhirnya dapat menyebut ‘barang’ selepas Yang Berhormat Tuan Hanipah beberapa kali ulang ‘balang-balang’ semalam. Tetapi ini satu compliment dan merupakan satu effort yang baik. Jadi Tuan Ng pun senyum nampaknya. *[Ketawa]*

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam pemeriksaan pegawai penguatkuasa, apakah kesalahan yang banyak sekali dilakukan oleh peniaga-peniaga dan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian terhadap mereka?

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak awal Januari 1995 sehingga 16 Disember 1995, penguatkuasa kementerian saya telah menjalankan pemeriksaan terhadap 403,639 premis-premis perniagaan di seluruh negara. Sebanyak 5,533 kes pun telah diambil tindakan.

Kesalahan yang dilakukan oleh peniaga-peniaga ialah yang melanggar Akta Timbang dan Sukat adalah sebanyak 2,244 kes. Yang melanggar Akta Kawalan Harga adalah sebanyak 1,424 kes dan yang melanggar Akta Perihal Dagangan ialah 1,153 dan juga peniaga-peniaga lain yang melanggar akta-akta kementerian saya.

Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan kompaun dan mahkamah pun sedang diambil terhadap peniaga-peniaga yang bersalah.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh dikatakan tiap-tiap hari kita mendengar soalan berkenaan dengan kenaikan barang-barang ini. Kita hendak mengatasi inflasi sampai ke sifar inflasi. Jadi, dengan keadaan macam ini, nampaknya tidak dapatlah kita mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, tidakkah kementerian berpuas hati dengan pegawai-pegawai yang kita ada seramai 530 orang sepertimana yang dikatakan semalam? Tidakkah kerajaan hendak menambah pegawai-pegawai pemeriksaan ini ataupun sudah berpuas hati dengan 530 orang sahaja? Juga, tidakkah pihak kerajaan memikirkan untuk menaikkan sedikit hukumannya, yang bersalah sampai dua atau tiga kali, yang telah pun dikompaun dan telah pun diberi warning, dengan izin, tidakkah pihak kerajaan menimbangkan untuk menaikkan hukuman orang-orang seperti ini kepada 5 tahun jel? Itu sahaja jalan kita hendak mengatasi masalah ini.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai inflasi sifar, Kempen Inflasi Sifar pun telah dilancarkan. Setakat ini, kementerian saya dapat

sambutan yang sangat memberangsangkan dan peniaga-peniaga pun telah menyertai program-program Kempen Inflasi Sifar dan pengguna-pengguna pun telah dinasihatkan dan mereka pun telah sedar tentang Kempen Inflasi Sifar.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menguatkuasakan undang-undang kementerian, kementerian saya juga mengadakan seminar atau pendidikan kepenggunaan, dialog, mesyuarat dan pertandingan kuiz. Ini semua adalah untuk orang ramai menyertai Kempen Inflasi Sifar. Buat masa sekarang, undang-undang yang ada dan peruntukan jel juga, seperti di dalam Akta Kawalan Harga, orang yang didapati bersalah, mereka boleh dihukum 2 tahun penjara, atau untuk kesalahan yang kedua, mereka boleh dihukum penjara 5 tahun atau kedua-duanya. Kementerian sedang memohon untuk mendapatkan kakitangan penguatkuasa kementerian saya. Jadi, kita masih menunggu keputusan dari Kerajaan Pusat.

Tuan Itam Wali bin Nawan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan kenaikan harga barang, memang benar didapati di merata kawasan-kawasan kecil, apabila kita check, harga diakui 20 sen atau 30 sen lebih daripada harga yang ditetapkan. Jawapan daripada pihak kementerian pada satu masa dahulu telah pun diambil tindakan setakat memberi amaran atau warning kepada mereka ini. Soalan saya kepada perkara ini ialah, berapa kerap atau adakah tindakan susulan dibuat terhadap mereka yang telah diberi warning? Pertama. Keduanya.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, satu cukup ya. Untuk soalan

tambahan, satu sahaja.

Tuan Itam Wali bin Nawan: Sambungan itu tadi, bukan kedua, tetapi sambungan.

Tuan Yang di-Pertua: Serupa juga itu.

Tuan Itam Wali bin Nawan: Sambungan dari yang itu. Selepas itu, terdapat juga barang-barang dalam tin seperti corn beef dan sebagainya yang telah expired tarikhnya untuk digunakan, dijual dan harganya lebih juga. Jadi, orang-orang macam ini saya fikir, selain daripada mengeksploitasikan masyarakat miskin, juga mengeksploitasikan masyarakat miskin. Jadi, apakah tindakan kementerian jika kes ini terdapat? Memadaikah dengan hukuman hanya warning ataupun lebih berat daripada itu? Saya setuju dengan kenyataan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki di sebelah sana tadi.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, di samping tindakan undang-undang diambil, kementerian saya selalu memberi nasihat atau pendidikan kepada peniaga-peniaga. Kalau peniaga yang degil dan melakukan kesalahan, tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka dan lesen mereka akan dibatalkan.

Berkenaan barang-barang dalam tin yang telah expired, kompelin atau aduan ini boleh dimajukan kepada Kementerian Kesihatan.

LEVI KEPADA PEMBANTU RUMAH ASING - KAJIAN SEMULA

3. Tuan Tan Soon Lee minta Menteri Dalam Negeri memohon mengkaji semula kadar levi pembantu rumah warga asing agar dapat dikurangkan kadarnya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpendapat kadar bayaran levi bagi pembantu rumah yang ada sekarang adalah wajar dikekalkan dan ianya tidak terlibat dalam kadar kenaikan bayaran levi yang akan berkuatkuasa 1 Januari 1996.

KOPERASI TANI TERKUBUR - LANGKAH MENGATASI

4. **Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Pertanian menyatakan masa depan koperasi-koperasi asas tani yang telah diserahkan kepada kementerian beliau pada tahun 70-an. Memandangkan bahawa dalam jangka masa itu, jumlahnya telah berkurangan, apakah kerajaan bercadang mengembalikan koperasi-koperasi ini ke pangkuan Jabatan Pembangunan Koperasi supaya koperasi-koperasi asas tani tidak terus terkubur dan kementerian beliau dapat terus memberi tumpuan yang sewajarnya kepada peladang-peladang negara melalui Pertubuhan Peladang yang memang menjadi tanggungjawab kementerian beliau

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian tidak mempunyai cadangan untuk mengembalikan koperasi asas tani kepada Jabatan Pembangunan Koperasi setakat ini. Memandangkan Kementerian Pertanian mempunyai keupayaan untuk mempertingkatkan keberkesanan prestasi koperasi tersebut melalui agensi-agensi kementerian seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Lembaga Persatuan Peladang.

Puan Rahaiah binti Baheran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan membuat kajian dan seterusnya sedar bahawa ada koperasi-koperasi asas tani di bawah jagaan kementerian kini telah banyak meninggalkan ataupun tidak lagi mengamalkan prinsip-prinsip dan nilai-nilai koperasi tetapi

sebaliknya sudah hilang segala jatidirinya sebagai sebuah koperasi yang menyebabkan anggota-anggotanya was-was dan ragu-ragu kerana sudah lari daripada matlamat asal mereka ditubuhkan?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, koperasi-koperasi yang dahulunya ditubuhkan adalah dengan tujuan-tujuan tertentu. Kesannya kilang padi dan koperasi yang mungkin ada kaitannya dengan kredit semua ini ada agensi-agensi kerajaan yang telah mengambil alih tugas-tugas tersebut. Sebab itulah maka koperasi-koperasi yang berasas tani telah pun dibatalkan pendaftarannya atas kehendak ahli-ahli itu sendiri.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berterima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Setiausaha Kementerian Pertanian. Saya ingin mendapat maklumat berapakah bilangan koperasi berasas tani yang telah pun di 'transfer' daripada Kementerian Pembangunan Koperasi kepada Kementerian Pertanian dan apakah langkah Kementerian Pertanian untuk meningkatkan keupayaan koperasi-koperasi itu?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, bilangannya saya tidak dapat berikan hari ini dan saya akan berikan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti Dato' akan berikan secara bertulis.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Pertanian ialah, kalau diperlukan menjadikan koperasi-koperasi berasaskan pertanian ini sebagai unit petani-petani kecil dan peladang-peladang

kawasan dan melalui aktiviti pertubuhan peladang dapat dipertingkatkan unit-unit tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Rahaiah hendak minta penjelasan? Silakan.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat ada menyebutkan dia tidak tahu. Sebenarnya mengikut apa yang saya tahu sudah berkurangan daripada jumlah asal yang dimaksudkan dahulu, cuma saya ingin mengulangi soalan saya kembali bahawa adakah kerajaan membuat kajian.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, kajian memang dibuat. Sebab itulah kita menentukan keputusan tersebut bahawa koperasi yang berasas tani yang tidak berkemampuan untuk meningkat, kita gabungkan dalam PPK. Terima kasih.

“FORMALDEHYDE” - BAHAYA PENGGUNAAN

5. **Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah dan tindakan kementerian beliau terhadap penggunaan “Formaldehyde” sebagai bahan awet iaitu satu bahan pengawetan yang boleh menyebabkan barah dan tidak dibenarkan penggunaannya di Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Makanan 1983, formaldehid adalah bahan pengawet (preservative) yang tidak dibenarkan sama sekali digunakan di dalam apa jenis makanan. Ini adalah kerana terdapat banyak lagi bahan-bahan pengawet lain yang selamat dan dibenarkan untuk digunakan di dalam makanan.

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjalankan kajian ke atas status kehadiran formaldehid di dalam ikan-ikan segar yang diimport dan dijual di pasaran.

Di dalam tahun 1994, sejumlah 182 sampel telah diambil. Dari 182 sampel ini, 8 sampel atau 4.4% telah dikesan mengandungi formaldehid. Kesemua sampel-sampel yang dikesan adalah yang diperolehi dari negara luar.

Kementerian Kesihatan akan terus mengawas penggunaan formaldehid kepada ikan-ikan yang diimport dan juga dalam pasaran.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kita rasa amat bimbang kalau sekiranya ikan-ikan yang diimport ini mengandungi formaldehid dan saya tidak tahu apakah akibatnya kalau sekiranya termakan formaldehid ini kepada kita dan adakah tindakan undang-undang atau adakah tindakan yang lain-lain diambil oleh kementerian ataupun secara individu oleh mereka yang termakan bahan-bahan tersebut?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, bahan formaldehid atau "formalin" iaitu bahan yang digunakan kepada orang yang meninggal dunia. Kita gunakan ini untuk embalming mayat.

Formaldehid biasanya digunakan untuk tujuan pengawetan spesimen-spesimen pathology dan juga oleh pihak-pihak industri. Keracunan yang melibatkan formaldehid kebanyakan berlaku di kilang-kilang di mana formaldehid digunakan. Formaldehid boleh menyebabkan iritasi kepada mata atau kulit jika

bersentuh. Jika kulit terdedah kepada formaldehid secara berpanjangan, ia boleh menyebabkan penyakit kulit yang digelar 'contact dermatitis' dan jika terminum akan menyebabkan muntah-muntah dan cirit-birit sehingga boleh membawa maut.

Setakat ini belum ada kajian yang boleh menimbulkan dengan kukuh bahawa formaldehid ini boleh menyebabkan kanser kepada manusia. Di daerah di Johor Bahru sebanyak 95 sampel ikan telah diambil pada 28hb. Oktober tahun ini; daripada 95 sampel, 63 telah diterima keputusan analisis di mana empat daripadanya telah dikesan mengandungi formaldehid. Semua ikan ini datangnya dari Indonesia dan Thailand. Pengimportan ikan yang dikesan di pintu masuk telah diberi amaran, tindakan-tindakan mahkamah disusuli kerana sampel telah diambil secara tidak formal iaitu tujuan untuk pengawasan. Bagaimanapun, pengimportan ini akan disenaraihitamkan dan ikan yang dibawa masuk kemudiannya akan diperiksa dengan lebih rapi dan tindakan mahkamah akan diambil jika melanggar peraturan-peraturan mahkamah.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya juga berasa begitu takut bila mendengar virus ini ada di dalam ikan. Saya ingin mendapat penjelasan, iaitu minta cerita. Orang Perlis kata minta cerita macam mana proses ini dibuat kepada ikan yang diimport ke negara Malaysia? Apakah langkah-langkah susulan yang telah diambil oleh kerajaan supaya ikan yang diimport dari Indonesia dan Thailand itu tidak membawa virus ini? Macam mana dengan ikan-ikan yang diimport dari negara-negara lain?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, ubat ini bukanlah virus. Ubat ini digunakan untuk menentukan makanan itu fresh dan segar dan kita haramkan, tidak boleh digunakan. Kementerian seperti saya terangkan tadi mengambil tindakan melalui kerjasama dengan kastam supaya check ikan-ikan yang masuk melalui pintu-pintu masuk.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, boleh muat, bukan maut. Puan Kamilia.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah, saya terbaca dalam surat khabar *The New Straits Times* tajuk editorial columnnya 'Eat at your own risk'. Maknanya memanglah tinggi tentang formaldehid ini, ianya memang common. Soalan saya ialah setakat manakah kementerian dapat memastikan bahawa ikan-ikan yang diimport itu sebenarnya tidak mengandungi formaldehid ini?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya terangkan tadi, di Daerah Johor Bahru 95 sampel ikan segar telah diambil dan dari sampel itu 4 daripadanya telah dikesan mengandungi formaldehid iaitu satu sampel ikan merah dari Indonesia, satu sampel ikan kembung dari Indonesia, satu sampel ikan kembung dari Thailand dan satu sampel ikan tongkol dari Thailand. Cuma empat sahaja, tidak banyak. Memang kita ambil tindakan dan bukannya semua ikan yang datang dari luar negeri mengandungi bahan ubat formaldehid. Jangan khuatirlah, kita pun ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Zainal bin Md. Deros.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Hendak minta soalan tambahankah atau apa?

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Saya hendak minta izin untuk adopt soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Oh ya. Sila.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Saya minta izin Tuan Yang di-Pertua untuk mengambil alih soalan ini dan kalau boleh minta pinda sedikit rujukan "kepada semua daerah di negeri Selangor" kepada "semua daerah di seluruh negara" - kalau boleh diizinkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak boleh, Yang Berhormat.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tidak apalah. "kepada semua daerah di negeri Selangor"lah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Kalau hendak soalan tambahan boleh.

JALAN KAMPUNG/LUAR BANDAR - PERUNTUKAN TETAP

6. **Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:-

- (a) bercadang untuk memberikan peruntukan jalan kampung dan luar bandar secara tetap setiap tahun kepada semua daerah di negeri Selangor supaya mutu jalan-jalan di luar bandar dapat dipertingkatkan; dan
- (b) adakah kementerian sedar bahawa keperluan peruntukan yang dipohon oleh pentadbir daerah merupakan permohonan yang berulang yang dikemukakan oleh JKKK, jika sedar apakah langkah supaya masyarakat meyakini tugas kementerian untuk membantu masyarakat luar bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian tidak bercadang untuk memberikan peruntukan jalan kampung dan luar bandar secara tetap pada setiap tahun kepada daerah-daerah.

Pengagihan peruntukan kepada setiap daerah bergantung kepada permohonan oleh pihak negeri kepada kementerian yang ditentukan mengikut keutamaan dan tahap pembangunan di sesebuah daerah. Di samping itu, permohonan yang dipohon dan yang telah diluluskan kepada sesebuah negeri juga berbeza dari tahun ke setahun mengikut tahap pembangunan sesebuah negeri dan mengikut kemampuan dan pengagihan peruntukan bagi seluruh negara.

- (b) Pertimbangan dan kelulusan projek oleh kementerian adalah berdasarkan kepada senarai-senarai cadangan yang diterima daripada Pejabat Kemajuan Negeri. Sebagaimana yang difahamkan senarai tersebut sebelum dikemukakan untuk pertimbangan kementerian, ianya telah dipersetujui di peringkat negeri oleh Jawatankuasa Pembangunan Negeri yang menyelaraskan cadangan-

cadangan yang dikemukakan oleh daerah-daerah. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab Pejabat Daerah dan Pejabat Kemajuan Negeri untuk memastikan permohonan membina jalan yang dikemukakan oleh JKKK itu dimasukkan dalam senarai keutamaan yang dikemukakan oleh Pejabat Kemajuan Negeri.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan sedar bahawasanya jalan-jalan luar bandar ini merupakan nadi perhubungan ekonomi untuk mengangkut barang-barang pertanian seperti kelapa sawit, getah dan sebagainya dan justeru kerana itu kalau ia sedar, adakah pihak kerajaan bertujuan untuk hendak meningkatkan tahap jalan luar bandar ini supaya lebih tebal dan lebih lebar? Kerana sekarang ini jalannya amat nipis dan begitu kecil sehinggakan lori-lori hendak membawa barang-barang ini keluar akan terus memecahkan jalan-jalan ini dan ini meningkatkan lagi kos penyelenggaraan?

Tuan Yang di-Pertua: Nipiskah atau sempit?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Sempit dan nipis.

Tuan Yang di-Pertua: Itu lagi hebat. Sila.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana sedar bahawa jalan-jalan khususnya jalan-jalan kampung adalah sempit dan nipis. Kementerian memang sedar...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Douglas Uggah Embas pun suka mengulangi "sempit dan nipis". Sila.

Tuan Douglas Uggah Embas: Kementerian memang sedar masalah ini kerana pada masa dulu keutamaan kita adalah untuk mengadakan jalan-jalan kampung dan jalan-jalan luar bandar ini khususnya untuk membolehkan perhubungan yang lebih cepat dan lebih cekap. Tetapi oleh kerana pembangunan yang begitu pesat dan arah pembangunan di kawasan luar bandar makin berubah, dulu mungkin tidak banyak lori dan sebagainya yang menggunakan jalan dan sekarang kementerian sedar bahawa kenderaan berat juga melalui jalan tersebut. Maka atas kesedaran itulah kementerian sekarang telah dan sedang mengkaji sama ada jalan ini dapat dinaik taraf dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Jadi, kita tunggu keputusan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri wanita pula. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian sedar bahawa jangka hayat jalan yang diturap semula di luar bandar sekarang amat pendek? Apakah kementerian ada langkah-langkah tertentu atau sewajarnya supaya jangka hayat jalan-jalan ini boleh panjang sedikit?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, untuk memanjangkan hayat jalan ini adalah termasuk dalam usaha kita untuk meningkatkan taraf

standard jalan yang kita akan bina untuk jalan kampung. Dengan taraf ataupun standard yang baru ini kita berharap hayatnya boleh panjang lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Rahim. Lambatnya reaksi Tuan Rahim?

Tuan Rahim bin Baba: Saya ingat tidak beri peluang tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa biasanya jalan-jalan di bandar diturap lebih kerap daripada jalan-jalan di luar bandar? Kalau Yang Berhormat sedar, mengapakah keadaan ini berlaku?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, mengenai penyelenggaraan ini kerajaan memang ada peruntukan untuk menyelenggarakan jalan-jalan di luar bandar. Misalnya tahun ini ada peruntukan khas untuk penyelenggaraan. Saya percaya kekerapannya adalah tergantung atas kemampuan kerajaan. Itu yang pertama.

Yang kedua, mungkin Yang Berhormat datang dari bandar, jadi selalu nampak apa yang dibuat di bandar dan jarang melihat apa yang berlaku di luar bandar. *[Ketawa]*

INDAH WATER KONSORTIUM - PERKHIDMATAN DI LUAR BANDAR

7. **Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah sumbangan atau kerja atau perkhidmatan yang diberi oleh Indah Water Konsortium kepada penduduk di kawasan luar bandar sehingga Indah Water Konsortium mengenakan bayaran sekian banyak kepada pemilik-pemilik rumah di kawasan luar bandar.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter

Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, kawasan-kawasan di luar kawasan operasi pihak berkuasa tempatan (PBT) adalah di luar kawasan perkhidmatan Indah Water Konsortium melainkan kawasan-kawasan tersebut telah dipersetujui khas untuk diliputi.

Kawasan yang tidak diliputi tidak dikenakan caj. Penduduk-penduduk di kawasan kampung-kampung yang menggunakan tandas curah tidak dikenakan caj memandangkan tandas curah adalah lubang (pit) najis di mana khidmat pengosongan pit tidak diperlukan.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Naw: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah apakah kementerian sedar bahawa masih ramai lagi yang membuat sungutan terhadap IWK kerana terdapat rumah-rumah yang tangki najis berasingan masih lagi dihantar bil hingga ke hari ini? Dan saya ingin mengetahui berapa buah kolamkah, kolam rawatan yang saya maksudkan, telah dibina sendiri oleh IWK? Kerana IWK yang saya difahamkan tidak mengeluarkan modal yang banyak tetapi mengutip hasil yang banyak.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, mengenai bil-bil yang salah dihantarkan itu, saya menasihatkan Yang Berhormat kalau dapat memberi pertolongan kepada pihak IWK, kalau dapatlah, menasihatkan keluarga-keluarga yang terima bil itu yang dikirakan salah hantar terus berhubung dengan pejabat-pejabat IWK untuk bil itu dibetulkan atau dimansuhkan kerana kawasan itu tidak diliputi sebagai kawasan perkhidmatan IWK.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak IWK mengambil alih tugas-tugas ini iaitu pemetungan, IWK sudah mengambil alih 2,800 buah loji-loji pemetungan najis (sewerage plant) yang dulunya diselenggarakan oleh pihak berkuasa tempatan, tetapi sekarang sudah diambil alih dan terus dijaga dan diuji baik dan pihak IWK pun perlu₂₆ melaburkan apa yang perlu dilaburkan

seperti menukarkan pam-pam yang sudah rosak, menukarkan kolam najis atau rumah-rumah pam itu yang dianggap tidak cukup besar akan diperbesarkan. Sebenarnya pihak IWK sudah melaburkan banyak wang ringgit dalam projek ini dan dijangkakan projek-projek yang perlu diselenggarakan atau dibaik pulih, IWK perlu membelanjakan sebanyak RM6 bilion setakat lima fasa yang perlu dijalankan dalam perjanjian penswastaaan itu.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa IWK ini dicap oleh rakyat sebagai satu agensi ‘penipu’...

Tuan Yang di-Pertua: Agensi apa itu?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Penipu.

Tuan Yang di-Pertua: Penipu?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya, penipu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat Yang Berhormat agak unparliamentary perkataan itu.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba beri alternatif....

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak tarik balik, saya sudah sebut saya tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, sila.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya sebut perkara ini Tuan Yang di-Pertua, sebab ini adalah isu yang dikira penting, isu kritikal dan saya tidak mahu

apologetic dalam soalan saya. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa IWK telah membelanjakan wang yang banyak, kerana mengambil alih 2,800 loji pembedungan. Ini saya memberi anggapan, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun membaca dalam akhbar mengenai rungutan 'the cry of the public' Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah isu besar di mana bil-bil dihantar, manakala dari segi perkhidmatan sebenarnya tidak sebagaimana yang dijangkakan.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat, adakah kementerian bersetuju untuk ditubuhkan satu jawatankuasa penyiasat awam, sebab hendak dikatakan belanja banyak boleh kata, boleh sebut, belanja sekian banyak kita tidak tahu, RM1 bilionkah RM2 bilionkah, kita tidak tahu berapa banyak belanja, we just rely daripada maklumat IWK, kerana 2,800 loji, ini adalah pembedungan yang sedia wujud, yang sedia ada daripada dahulu lagi. Kalau setakat baiki tangki satu atau dua lebih kurang maintenance yang dibelanjakan oleh kerajaan selama ini, tetapi pada masa yang sama mengutip dan menghantar bil kepada rakyat dengan sewenang-wenangnya, saya kira ini satu penyelewengan yang besar dan kegagalan kementerian Yang Berhormat. Saya mengemukakan soalan ini adalah kerana isu ini menjadi-jadi, sehingga menjejaskan kredibiliti kerajaan.....

Tuan Yang di-Pertua: Itu sudah mukadimah.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya, mukadimah.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang apa soalnya?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Soalnya, seperti yang saya tanyakan tadi, apakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedia menubuhkan satu jawatankuasa awam untuk menyiasat dan mendapat maklumat sebenarnya tentang peranan IWK ini, supaya menentukan bahawa mereka mempunyai kredibiliti, sebab kita tidak mahu pihak awam ataupun orang ramai dikelirukan dengan iklan-iklan yang indah dalam surat khabar keluar very beautiful iklan, kita mahu air bersih, cantik sungguh, label-label di tepi jalan pun cantik....

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Haji Ibrahim, soalan itu sudah jelas.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Soalanlah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sudah jelas.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Soalanlah itu. Iklan bukan main cantik, tetapi servis sebenarnya tidak sebagaimana, jadi saya pun menyiasat juga mengenai hal IWK ini. Oleh itu saya hendak minta Yang Berhormat memberi jawapan mengenai perkara yang saya bangkitkan tadi.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali memang minat mengenai usaha-usaha IWK. Saya mengucapkan syabaslah Datuk. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sejak pelaksanaan penswastan pembedungan ini, pihak IWK sudah mengambil alih kuasa-kuasa tempat yang dahulunya dijalankan atau diselenggarakan oleh pihak berkuasa tempatan. Dalam usaha ini memanglah kita sedar pihak IWK adalah satu badan yang baru

mengambil alih tugas-tugas ini dan akan menghadapi masalah-masalah seperti bil-bil yang dikeluarkan, seperti kecukupan jentera, seperti kawasan-kawasan yang mana mereka tidak berapa sedar usaha-usaha yang dahulu dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan. Oleh sebab IWK sudah mengambil alih, saya merasa mereka tidak berapa sedar tentang masalah-masalah seperti cara sistem pemetungan dikendalikan oleh pihak berkuasa tempatan atau caj-caj yang digunakan oleh pihak berkuasa tempatan itu. Maka kita sedar pihak IWK terus menghadapi billing problem. Sehingga bulan September 1995, pihak IWK sudah menerima lebih 31,000 aduan daripada orang awam dan kita perhatikan dalam 30,000 aduan yang diterima oleh pihak IWK, 91% boleh diselesaikan dalam masa yang pendek, dengan cepat, dengan senang. Ini bermakna kompelin-kompelin atau aduan-aduan yang diterima adalah berkaitan dengan seumpamanya yang dihuraikan oleh Yang Berhormat tadi, iaitu caj adalah tinggi, sebab mereka tidak cukup maklumat, they were not enough explanation, dengan izin, sebab mereka rasa ini terlalu tinggi atau yang ada banyak kompelin adalah berkaitan dengan servis - apa sebab kita hendak bayar, kecuali ada perkhidmatan dari IWK. Tetapi dalam perjanjian konsensi, Tuan Yang di-Pertua,

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Nanti Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya, sekejap. Dalam perjanjian konsesi itu, IWK dibenarkan untuk mengenakan caj dalam dua tahun itu dan dia mestilah

menyediakan tangki najis, kalau rumah itu tidak disediakan dengan direct connection, dengan izin, sambungan terus atau direct daripada paip-paip najis.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa sudah jelas Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Dan oleh sebab itu maka kita akan cuba memberi peluang untuk IWK mengadakan usaha-usaha publisiti supaya mereka dapat menjelaskan perkara ini kepada pihak orang awam. Saya rasa disebabkan perkara ini ada satu perjanjian yang diluluskan oleh pihak Kabinet atau pihak kerajaan, ini bukan satu penipuan atau apa-apa yang dirasakan tidak cukup mengikut ide-ide penswastan atau polisi-polisi penswastan kerajaan.

Mengenai kredibiliti ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah disebabkan tidak cukup publisiti, tidak cukup maklumat yang terperinci yang disebarkan kepada orang awam. Oleh sebab itu kita mengarahkan kepada IWK dan pihak IWK mestilah menjalankan tugas dan menyebarkan maklumat yang secukupnya kepada orang awam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri saya rasa sudah jelas.

Dan akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebutkan juga ada satu jawatankuasa khas ditubuhkan di dalam kementerian dan diketuai oleh KSU kementerian supaya jawatankuasa khas ini boleh mengawasi tugas-tugas IWK seperti yang disebutkan oleh Datuk Haji Ibrahim bin Ali tadi di mana kita tidak

tahu berapa wang ringgit yang telah dibelanjakan. Ini, jawatankuasa ini akan mengawasi, memberi maklumat dan sebagainya.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Bolehkah tidak wakil persatuan pengguna seumpamanya FOMCA ataupun perkhidmatan awam lain duduk dalam jawatankuasa yang dibentuk di peringkat kementerian?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh atau tidak sahaja jawapannya. Boleh ataupun tidak ataupun....

Tuan Peter Chin Fah Kui: Setakat ini kita tidak benarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

LAMPU MOTOR/ LAMPU BREK KETIGA - IMPLIKASI UNDANG-UNDANG BARU

8. **Tuan Tan Swee Hueng** minta Menteri Pengangkutan menyatakan selepas undang-undang baru diperkenalkan bagi lampu motor, lampu brek ketiga, adakah jumlah kes kemalangan dapat dikurangkan. Jika benar jumlah kes kemalangan dikurang, berikan statistik sebelum dan selepas implikasi. Apakah kajian yang dibuat oleh kementerian sebelum langkah undang-undang di atas diperkenalkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, undang-undang baru yang diperkenalkan bagi lampu motosikal dan lampu brek ketiga adalah sebagai salah satu langkah untuk mengelakkan berlakunya kemalangan. Dengan pemasangan lampu motosikal, kehadiran motosikal kelihatan lebih jelas atau dalam perkataan lain dengan adanya pemasangan lampu motosikal pada siang hari ia akan meningkat kebolehlihatan kehadiran motosikal manakala lampu brek ketiga yang dipasangkan di belakang

kereta akan membantu pemandu-pemandu di belakang sesebuah kenderaan mengesan pergerakan kenderaan dengan lebih jelas terutama apabila kenderaan di hadapan berhenti tiba-tiba atau sedang memperlahankan kenderaan untuk berhenti.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, bilangan kemalangan yang melibatkan motosikal terus meningkat dari tahun ke tahun. Ini bukan bermakna peraturan tersebut tidak berkesan tetapi adalah disebabkan oleh bilangan motosikal berdaftar yang terus meningkat serta sikap cuai sebahagian penunggang motosikal dan juga pemandu-pemandu kenderaan.

Memandangkan lebih kurang 60% jumlah kemalangan di jalan raya di negara kita melibatkan motosikal, maka suatu penilaian telah diadakan selepas penguatkuasaan pemasangan lampu motosikal pada siang hari berhubung dengan kemalangan yang melibatkan motosikal di daerah Seremban dan Shah Alam. Penilaian ini mendapati bahawa kempen peraturan memasang lampu pada siang hari telah dapat mengurangkan 29% kemalangan motosikal yang melibatkan kebolehlihatan. Walau bagaimanapun, tidak terdapat perbezaan yang ketara bagi semua pelanggaran yang melibatkan motosikal pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, perundangan lampu brek ketiga baru sahaja dikuatkuasakan pada lhb. Julai tahun ini, maka adalah agak sukar untuk menilai keberkesanan peraturan baru ini dalam mengurangkan bilangan kemalangan. Sekian.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Terima kasih, Tuan Yang

di-Pertua. Sebahagian besar daripada kemalangan yang berlaku di lebuhraya, saya tidak ada statistik tetapi saya baca dalam surat khabar ialah di antara kenderaan yang berhenti di tepi jalan dengan kenderaan yang sedang bergerak. Adakah pihak kementerian terfikir untuk mengadakan peraturan ataupun cara-cara tertentu supaya kebolehlihatan kenderaan yang berhenti di tepi jalan ini ditingkatkan. Because you cannot stop, tidak boleh kita hendak tahu sesebuah kereta bila akan rosak dan sebagainya, lori rosak di tepi jalan memang biasa tetapi kebolehlihatan ini, dia berhenti ini yang menjadi masalah yang menyebabkan.....

Tuan Yang di-Pertua: Kurang kenampakan. *[Ketawa]*

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tidak tahulah, istilah yang digunakan oleh Setiausaha Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Tuan Chan Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, walaupun seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah, memang kita tidak mempunyai statistik mengenai kemalangan yang berlaku di antara kenderaan yang diberhentikan di tepi jalan dan juga kenderaan yang masih berjalan, tetapi baru-baru ini pihak JPJ, salah satu agensi kerajaan di bawah kawalan Kementerian Pengangkutan telah memberi nasihat dan melalui kempen-kempen iaitu sesiapa ataupun mana-mana pemandu yang ingin berhenti di tepi jalan, kalau di tepi jalan keadaan itu, pemandu boleh berhenti kereta, maka pemandu yang berkenaan harus menyalakan lampu belakang iaitu parking light, dengan izin, ini akan dengan

secara tidak langsung meningkatkan lagi kebolehlihatan dan melalui cara atau langkah seperti ini kita haraplah kemalangan yang berlaku di tepi jalan akan seterusnya dikurangkan. Sekian.

**ORANG ASLI - CADANGAN ATAS KAWASAN
YANG TERLIBAT DENGAN PEMBANGUNAN -**

9. **Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan bahawa banyak kawasan Orang Asli (Status Rizab dan kawasan Orang Asli mengikut definisi Akta 134) terlibat dalam pembangunan tidak disasarkan kepada peningkatan sosio ekonomi Orang Asli. Kesannya masyarakat Orang Asli tertinggal dalam pencapaian pembangunan dan ekonomi:

- (a) apakah strategi dan tindakan kementerian bagi kawasan-kawasan yang dikenal pasti dihuni oleh Orang Asli dan berpotensi ekonomi untuk dilupuskan kepada mereka; dan
- (b) adakah pihak kementerian bercadang menyeragamkan peraturan perlupusan tanah untuk Orang Asli di semua negeri di Semenanjung.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan

Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan bahawa kawasan Orang Asli yang terlibat dalam pembangunan tidak disasarkan kepada peningkatan sosio ekonomi Orang Asli adalah kurang tepat. Kementerian amat prihatin terhadap kebajikan dan ganjaran yang sewajarnya diperolehi oleh Orang Asli apabila kawasan penempatan mereka diambil untuk projek-projek pembangunan kerajaan selaras dengan peruntukan Akta 134 Orang Asli.

- (a) Pihak kementerian mempunyai strategi tertentu bagi kawasan-

kawasan yang dihuni oleh Orang Asli ke arah pelupusan tanah kepada mereka. Antara strategi ialah:

- (i) mengenalpasti menggunakan kaedah pensyarikatan atau penswastan sebagai salah satu cara pembangunan kawasan-kawasan Orang Asli;
- (ii) menggubal dasar yang jelas dan pelan bertindak untuk membangunkan tanah-tanah rizab Orang Asli sedia ada dari segi matlamat pembangunan, cara-cara memajukannya, pegangan tanah, cara-cara mendapat sumber kewangan dan lain-lain;
- (iii) plan bertindak tertumpu kepada kesediaan Orang Asli menerima pembangunan atau terlibat secara langsung dengan pembangunan tersebut. Dengan ini pembangunan dapat dijalankan terlebih dahulu bagi Orang Asli yang telah bersedia;
- (iv) tumpuan perhatian adalah juga kepada pembangunan kawasan-kawasan Orang Asli di pinggir-pinggir bandar (misalnya Bukit Lanjan di negeri Selangor) kerana corak pembangunannya tidak sama dengan pembangunan di kawasan terpencil;

- (v) bagi lain-lain kawasan penglibatan jabatan ataupun agensi lain membantu kementerian untuk melaksanakan program dan projek-projek di atas tanah-tanah tersebut bagi meningkatkan taraf hidup Orang Asli; dan
 - (vi) kementerian meneruskan usaha mendapatkan tanah daripada pihak berkuasa negeri untuk diberi milik kepada Orang Asli.
- (b) Pihak kementerian sedang berusaha untuk menyeragamkan peraturan pelupusan tanah untuk Orang Asli di semua negeri. Cadangan penyeragaman pelupusan tanah kepada Orang Asli oleh pihak berkuasa negeri-negeri adalah berasaskan kepada kriteria penempatan mereka sama ada di kawasan pedalaman, kawasan pinggiran dan berhampiran bandar dan juga kawasan pekan yang tertakluk kepada penguasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Itam, sila.

Tuan Itam Wali bin Nawan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Hujah saya, sebelum saya kemukakan soalan tambahan, perhatikan atas definisi perpaduan Kementerian Perpaduan tidak bermaksud pembangunan. Kalau luar bandar lebih mirip kepada pembangunan. Faktor keduanya, sejak tahun 1954 Jabatan Orang Asli diwujudkan, kalau dikira dengan jari sehingga hari ini sudah

41 tahun. Maka masyarakat ini masih juga tertinggal di belakang. Andaian saya, secara teorinya ia tidak disasarkan kepada pembangunan. Sistem-sistem pembangunan yang lain yang saya lihat, kalau sistem penswastan apa yang berlaku di Bukit Lanjan, sehingga hari ini sudah dua tangan berpindah tangan daripada M.K. Holdings kepada Saujana. Kemudian, berita yang terbaru sekali ialah pihak pembangun, developer kawasan ini, kalau Orang Asli hendak duduk di Bukit Lanjan hendaklah membeli kawasan yang telah dipersetujui diswastakan. Jadi, sasaran pembangunan ini saya fikir bukanlah hendak memajukan Orang Asli, tetapi bagi kepentingan satu kelompok. Jadi, apakah pihak kementerian telah membuat kajian rapi sistem pembangunan ini memang disasarkan untuk pembangunan Orang Asli. Itu pertanyaan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalnya? Sila.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, saya cuba memberi sedikit penjelasan berkenaan Orang Asli Bukit Lanjan. Inilah satu kawasan yang pertamanya.....

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan itu adakah particular kepada Bukit Lanjan ataupun pada keseluruhannya? Kesnya.

Tuan Itam Wali bin Nawan: Kemungkinan kes ini akan terbawa-bawa ke kawasan lain, dan implikasinya nanti kalau tidak dirancang dengan sebenar, Orang Asli bukanlah diberi pembangunan, tetapi dicuri hak-hak Orang Asli dari segi tanahnya untuk kepentingan orang lain. Pertanyaan saya lagi sekali, sudahkah

kementerian membuat perancangan, kajian yang teratur supaya jenis-jenis pembangunan, terutama sekali sistem pembangunan penswastaan ini benar-benar memanfaatkan masyarakat Orang Asli?

Tuan Yang di-Pertua: Sama ada satu study telah dibuat tentang pembangunan tanah Orang Asli?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, kawasan Bukit Lanjan ini, mengikut yang telah diketahui oleh kementerian ialah satu kawasan yang pertama akan dibuat mengikut cara penswastaan. Jadi, kedudukan masa ini ialah di peringkat rundingan antara Syarikat M.K. Holdings Sdn. Bhd., Kerajaan Negeri Selangor dan JKK Bukit Lanjan dari segi faedah pembangunan yang boleh didapati oleh penduduk. Ertinya, tujuan ini memang memberi faedah pembangunan yang boleh didapati oleh penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi mengikut yang saya telah fahamkan Orang Asli memang banyak kampung. Jadi, tiap-tiap kampung memang ada Tok Batin ataupun ketua kampung. Mereka ini, saya telah difahamkan susah mahu bekerjasama di antara satu kampung dengan kampung yang lain. Oleh kerana itu, Orang Asli memang ada Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia (POASM). Mengikut yang saya telah ketahui, dua bulan yang lepas saya merasmikan satu perhimpunan tahunan agung POASM di Gombak. Jadi, saya percaya kalau Orang Asli mengikut cara yang terbaik, iaitu masyarakat Orang Asli memang ada persatuan, saya rasa apa yang ditimbul oleh Yang Berhormat Senator Itam Wali,

sebab beliau kluatir iaitu penswastaaan kawasan Orang Asli Bukit Lanjan mungkin tidak memberi faedah kepada Orang Asli, saya rasa yang lebih baik iaitu badan yang menggabungkan semua kawasan Orang Asli di Semenanjung Malaysia akan dapat berbincang dan cuba menyelesaikannya menerusi kerajaan negeri atau kementerian. Itu sahaja saya dapat beri penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Itam, maknanya, kajian sedang dibuatlah, maksudnya.

Tuan Itam Wali bin Nawan: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa sudah jelas. Kalau tak jelas pun,.....

Tuan Itam Wali bin Nawan: Saya minta sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau hendak minta, saya rasa boleh, tetapi jangan panjang sangat. Saya ingat minta jawapan bertulislah, sebab waktunya sudah singkat. Sila.

Tuan Itam Wali bin Nawan: Sedikit soalan kepada soalan tadi, bukan soalan tambahan. Sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Itam Wali bin Nawan: Soalan tambahan. Saya ingin tahu dari pihak kementerian yang berkenaan, agaknya sistem pembangunan penswastaaan ini, apakah faedah-faedah yang akan diperolehi oleh masyarakat Orang Asli nanti?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau beri jawapan secara

bertulis lagi elok. Ataupun hendak jawab, janganlah panjang sangat, cuba ringkas sedikit.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, tentu sekali saya akan memberi jawapan dengan secara bertulis supaya dapat tahu adakah penswastan ini dan apa butir-butir yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Senator. Saya akan memberi dengan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya beri soalan ini sebagai 'grand finale.'

PEMBALAKAN HARAM - BILANGAN KES

10. **Puan Kamilia binti Ibrahim** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan setakat ini berapa banyakkah kes pembalakan haram telah dikesan oleh Jawatankuasa Khas peringkat Menteri yang ditubuhkan untuk pengurusan Alam Sekitar dan penguatkuasaan kesalahan hutan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sebanyak 19 kes pembalakan haram telah dikesan bagi tahun 1995 oleh Jawatankuasa Khas di Semenanjung Malaysia yang ditubuhkan untuk pengurusan alam sekitar dan penguatkuasaan kesalahan hutan.

Jumlah kes pembalakan haram telah berkurangan dengan pindaan kepada Akta Perhutanan Negara pada tahun 1993 yang membolehkan beberapa tindakan diambil bagi membanteras pembalakan haram. Tindakan ini termasuk meningkatkan rondaan bersama oleh Pegawai Perhutanan dengan Angkatan

Tentera Malaysia dan Polis Di Raja Malaysia dan kawalan dengan pesawat udara.

Di samping itu, sistem hadiah untuk maklumat juga dilaksanakan untuk menggalakkan orang awam memberi maklumat mengenai pembalakan haram.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 45 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO. 2) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.38 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Petroleum, iaitu Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 dan

Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983 dibacakan buat kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Kebanyakan pindaan-pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang telah dikemukakan semasa membentangkan Belanjawan 1996.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata lain, pindaan ini adalah satu pindaan yang dibuat sebagai 'consequential' ataupun berurutan kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Negara hari semalam iaitu Rang Undang-undang Perbekalan 1996.

Jadi, masalah-masalah yang saya akan bentangkan ini telah pun diperbahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam sesi perbahasan, baik di dalam bidang dasar ataupun dalam bidang jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui rang undang-undang ini.

Bab I rang undang-undang ini adalah merupakan pengenalan kepada skop pindaan-pindaan yang terlibat di bawahnya.

Bab II rang undang-undang ini adalah berkenaan pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapannya di Seminar on Malaysian Capital Market and Labuan as Asian Premier

International Offshore Financial Centre di Hong Kong pada 18hb. Augustus, 1995 lalu telah mengumumkan bahawa syarikat-syarikat kumpulan pengurusan wang asing akan diberi layanan cukai yang lebih rendah iaitu 10%.

Ini adalah untuk menggalakkan kemasukan pelabur-pelabur asing yang menguruskan syarikat-syarikat pengurusan kumpulan wang asing. Pada masa kini, syarikat-syarikat pengurusan kumpulan wang asing adalah dikenakan cukai pendapatan pada kadar 30% iaitu menyamai kadar cukai pendapatan syarikat-syarikat biasa.

Sehubungan dengan itu, Fasal 4, Fasal 12 dan Fasal 14 adalah berkaitan dengan kaedah percukaian ke atas pendapatan yang diterima oleh syarikat-syarikat pengurusan kumpulan wang asing.

Fasal 4 dan 14 bertujuan memasukkan perenggan baru iaitu perenggan (h) dalam subseksyen 6(1) dan Bahagian IX kepada Jadual 1 akta supaya pendapatan yang diperolehi oleh syarikat-syarikat pengurusan kumpulan wang asing dikenakan cukai pada kadar yang lebih rendah iaitu 10%.

Fasal 12 pula adalah bertujuan memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 60G di mana pendapatan yang diperolehi oleh syarikat-syarikat kumpulan pengurusan wang asing dalam menyediakan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur-pelabur asing dianggap sebagai satu sumber perniagaan yang berasingan dengan perkhidmatan pengurusan yang diberikan kepada pelabur-pelabur tempatan.

Di samping itu juga, Fasal ini memberi penjelasan berhubung dengan

definisi syarikat pengurusan kumpulan wang asing sebagai suatu syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dan dilesenkan di bawah industri sekuriti 1983. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

Sebagai langkah untuk menggalakkan para majikan menyediakan faedah caruman yang lebih besar sebagai simpanan masa depan pekerja-pekerja mereka, Fasal 5 adalah bertujuan meminda seksyen 34 akta bagi menambah caruman oleh majikan kepada skim yang diluluskan berkenaan dengan saraan pekerja daripada 16% kepada 17%.

Langkah ini juga dijangka akan menggalakkan sektor korporat menubuhkan kumpulan wang pencen persendirian demi menjamin kesejahteraan dan kebajikan pekerja. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap golongan-golongan daif terutamanya mereka yang kurang bernasib baik, warga tua dan juga golongan cacat anggota.

Di samping itu juga, penghayatan konsep masyarakat penyayang dan menggerakkan masyarakat keseluruhan menghormati ibu bapa juga turut diberi perhatian. Oleh yang demikian, Fasal 6 adalah bertujuan meminda seksyen 46 akta untuk menambah pelepasan cukai maksimum berkenaan dengan perbelanjaan perubatan yang dibelanjakan bagi ibu bapa dari RM1,000 kepada RM5,000.

Pindaan juga adalah merangkumi penambahan pelepasan cukai kepada pembayar cukai berkenaan dengan pembelian alat bantuan asas untuk diri sendiri, isteri, anak atau ibu bapa cacat dari had maksimum RM3,000 kepada RM5,000. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

Pada masa ini pelepasan anak hanya boleh dibuat oleh pihak suami sahaja. Pihak isteri hanya dibenarkan menuntut pelepasan ini jika ia telah berpisah mengikut peraturan undang-undang dan mendapat hak penjagaan anak. Bagi mengiktirafkan suami isteri sebagai pihak yang sama-sama bertanggungjawab kepada penjagaan anak, Fasal 7 adalah bertujuan meminda seksyen 48 akta bagi membolehkan isteri menuntut pelepasan anak jika dia memilih berbuat demikian. Fasal ini juga bertujuan meminda subseksyen (2) bagi menambah amaun pelepasan anak cacat dari RM1,000 kepada RM5,000. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan tabungan untuk tujuan pendidikan dan perubatan, Fasal 8 adalah bertujuan meminda seksyen 49 akta untuk mengadakan peruntukan bagi potongan sehingga RM2,000 mengenai premium yang dibayar bagi mana-mana insurans pendidikan atau perubatan berkenaan dengan individu itu, isteri atau anaknya.

Fasal 9 pula bertujuan meminda subseksyen (3)(b) seksyen 50 akta supaya premium insurans pendidikan dan perubatan yang dibayar oleh isteri yang memilih taksiran bersama dianggap sebagai dibayar oleh pihak suami. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

Pada masa kini, pendapatan larasan bagi kumpulan wang pemegang saham di bawah perniagaan insurans nyawa ditentukan dengan mengambil pertimbangan jumlah pendapatan pelaburan, keuntungan daripada pelaburan kumpulan wang

pemegang saham dan lebih aktuari yang berbangkit daripada kumpulan wang nyawa yang diagihkan kepada kumpulan wang pemegang saham dan dikenakan cukai pada kadar cukai pendapatan syarikat iaitu 30%.

Defisit aktuari pula, adalah tertakluk kepada apa-apa penyesuaian yang difikirkan patut dibuat oleh ketua pengarah mengikut peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967. Oleh itu Fasal 10 adalah bertujuan meminda subseksyen 60 (3A) dan (4A) akta untuk mengadakan peruntukan supaya amaun yang dipindahkan daripada kumpulan wang pemegang saham kepada kumpulan wang nyawa untuk menebus defisit aktuari yang berbangkit dalam kumpulan wang nyawa dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan cukai pendapatan. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1995.

Pada masa ini, hanya 95% daripada premium yang dibayar bagi insurans semula dengan syarikat insurans yang ditubuhkan di Labuan di bawah Akta Insurans Luar Pesisir 1990 dibenarkan sebagai potongan. Sehubungan dengan itu, Fasal 10 juga bertujuan meminda subseksyen (7) akta bagi menghapuskan had potongan pada kadar 95%. Penghapusan ini akan menggalakkan penginsurans semula dengan Ssyarikat-syarikat Insurans Luar Pesisir di Labuan. Langkah ini adalah selaras dengan matlamat kerajaan bagi mengurangkan aliran keluar dan seterusnya memperbaiki defisit akaun semasa. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

Fasal 11 adalah bertujuan meminda takrif 'qualifying services' dalam seksyen 60E untuk membenarkan ibu pejabat operasi yang diluluskan meminjam daripada sumber dalam negeri sehingga suatu amaun sebanyak RM10 juta. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1995.

Selaras dengan cadangan-⁴⁷ cadangan Belanjawan 1996, Fasal 14

adalah bertujuan meminda kadar cukai pendapatan individu dalam Bahagian I Jadual 1 kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Kadar-kadar sedia ada bagi individu pemastautin di antara 0% hingga 32% dipinda kepada 0% hingga 30%. Fasal ini juga bertujuan menggantikan Bahagian IV Jadual 1 berhubung dengan cukai pendapatan koperasi. Pindaan yang dicadangkan bertujuan mengurangkan kadar cukai pendapatan koperasi dari 1% hingga 32% kepada 0% hingga 30%. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

Pada masa kini, Elaun Bangunan Perindustrian (IBA) hanya layak dinikmati oleh bangunan yang diluluskan, di antaranya termasuklah bangunan yang digunakan untuk menjalankan latihan industri dan teknikal atau latihan vokasional. IBA diberi pada kadar permulaan 10% dan kadar tahunan 2% bagi membolehkan kos bangunan dituntut dalam tempoh 45 tahun. Bangunan yang digunakan untuk tujuan pendidikan tidak layak menuntut IBA.

Fasal 15 adalah bertujuan meminda Jadual 3 dengan memasukkan perenggan baru 37E untuk mengadakan peruntukan bagi Elaun Bangunan Perindustrian (IBA) berkenaan dengan bangunan yang digunakan bagi projek perkhidmatan yang diluluskan atau dengan izin, 'approved service projects'.

Fasal ini juga bertujuan memasukkan perenggan baru iaitu 42B dan 42C untuk memperuntukkan bahawa perbelanjaan modal yang dilakukan atas pembinaan atau pembelian bangunan yang digunakan sebagai sekolah atau institusi pendidikan dan bangunan yang digunakan bagi latihan perindustrian teknikal atau vokasional adalah layak bagi elaun bangunan perindustrian pada kadar 10% bagi membolehkan kos bangunan dituntut dalam tempoh 10 tahun. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

Fasal 16 adalah bertujuan meminda perenggan 33, Jadual 6 untuk memperluaskan pengecualian cukai ke atas faedah yang dibayar kepada individu bukan pemastautin oleh pihak bank kepada faedah yang dibayar oleh syarikat kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan, 1989. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996. Fasal ini juga bertujuan meminda Perenggan 35 untuk memperuntukkan pengecualian ke atas faedah yang di bayar atau di kredit kepada Unit Amanah dan Dana Tertutup ataupun Closed end Fund, yang disenarai. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996. Fasal ini juga bertujuan meminda Perenggan 36 bagi memberi penjelasan bahawa pemegang Insurans Nyawa Malaysia ertinya pemegang insurans nyawa dan pengendali takaful yang dimiliki secara majoriti oleh warganegara Malaysia. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1995.

Pada masa ini galakan elaun pelaburan semula adalah diberi kepada syarikat perkilangan yang menjalankan aktiviti pembesaran, pemodenan dan pelbagaian. Kadar elaun pelaburan semua (EPS) adalah 50% daripada perbelanjaan modal yang layak dan diberi pada peringkat pendapatan larasan.

Fasal 17 adalah bertujuan meminda Jadual 7A untuk memperuntukkan kadar EPS di naikkan kepada 50% daripada perbelanjaan modal yang sedia ada kepada 60% dan amaun yang hendak di kecualikan adalah satu amaun yang sama dengan pendapatan berkanun perniagaan. Akan tetapi jika projek yang layak itu terletak di luar negeri Sabah, Sarawak dan Koridor Pantai Timur Semenanjung

Malaysia, amaun yang dikecualikan adalah dihadkan kepada 70% daripada pendapatan berkanun.

Fasal ini seterusnya meminda Jadual 7A untuk memasukkan projek pertanian sebagai projek yang layak bagi maksud memperluas, memoden dan mempelbagaikan perniagaan penanaman dan penternakan. Dengan adanya peruntukan ini syarikat pemastautin yang menjalankan penanaman padi, jagung, buah-buahan dan sayur-sayuran, penternakan dan akuakultur adalah layak untuk mendapat EPS. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1997.

Pada masa ini hanya beberapa aktiviti terpilih sahaja daripada sektor perkhidmatan iaitu perhotelan, pelancongan dan perkapalan menikmati galakan cukai. Kerajaan sedar kepentingan sektor perkhidmatan dan sumbangannya kepada kemajuan ekonomi negara. Bagi memperluaskan galakan cukai kepada aktiviti-aktiviti terpilih dalam sektor perkhidmatan, Fasal 18 adalah bertujuan memasukkan jadual baru iaitu 7B untuk mengadakan elaun pelaburan bagi projek perkhidmatan yang diluluskan. Satu projek perkhidmatan yang diluluskan ditakrifkan sebagai satu projek dalam sektor perkhidmatan berkenaan dengan pengangkutan, komunikasi, utiliti atau mana-mana subsektor lain yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Elaun pelaburan yang diperuntukkan berkenaan dengan perbelanjaan modal yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh kelulusan yang diberikan, kadar elaun pelaburan berkaitan dengan projek perkhidmatan yang diluluskan ialah 60% daripada perbelanjaan itu tertakluk kepada 70% daripada

pendapatan berkanun atau apa-apa kadar yang lain yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

Pindaan lain adalah merupakan pindaan-pindaan kecil atau berbangkit yang dibuat untuk melengkapkan undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bab III adalah berkenaan pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah, 1976 (CKHT). CKHT adalah merupakan cukai ke atas keuntungan daripada pelupusan harta tanah. Kadar CKHT adalah bergantung kepada tempoh harta tanah itu dipegang. Sebagai langkah untuk mencegah spekulasi ke atas harta tanah, Fasal 20 adalah bertujuan meminda Jadual 5 untuk menaikkan kadar cukai yang dikenakan ke atas keuntungan yang diperolehi dari pelupusan harta tanah oleh individu dan syarikat pemastautin. Kadar kenaikan ialah 10 mata peratus, iaitu 20% kepada 30% bagi pelupusan harta tanah dalam tempoh 2 tahun selepas harta tanah di miliki dan 5 mata peratus bagi pelupusan dalam tahun ketiga dan keempat selepas harta tanah dimiliki masing-masing.

Pelupusan hartanah bagi individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap adalah dikenakan pada kadar iaitu 30%. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari 27hb. Oktober, 1995.

Bab IV adalah berkenaan pindaan kepada Akta Petroleum Cukai Pendapatan, 1967. Fasal 22 adalah bertujuan meminda perenggan 16(3)(a) untuk menaikkan caruman oleh majikan kepada skim yang diluluskan berkenaan dengan saraan pekerja daripada 16% kepada 17%. Fasal ini seterusnya bertujuan

memasukkan subseksyen baru 7A untuk membenarkan majikan mendapat potongan bagi perbelanjaan yang dilakukan olehnya untuk membeli apa-apa kelengkapan yang perlu bagi membantu mana-mana pekerja cacat dalam menjalankan tugasnya. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

Bab V adalah mengenai pindaan kepada Akta Setem, 1949. Fasal 24 adalah bertujuan meminda Seksyen 36 bagi menaikkan fee penetapan daripada RM1.00 kepada RM10.00. Fasal 25 adalah bertujuan meminda Jadual Pertama untuk memperuntukkan bagi pengurangan kadar duti setem yang dikenakan nota kontrak berkenaan dengan jual beli saham, stok atau sekuriti-sekuriti dipasarkan daripada RM1.50 kepada RM1.00 bagi tiap RM1,000 atau sebahagian daripada nilai saham tersebut.

Bab VI adalah pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan, 1990. Pada masa ini syarikat luar pesisir Labuan yang terlibat dengan operasi petroleum tidak mendapat keutamaan layanan cukai kerana operasi petroleum tidak dianggap sebagai aktiviti perniagaan luar pesisir. Sehubungan itu Fasal 27 adalah bertujuan meminda takrif aktiviti perniagaan luar pesisir untuk membenarkan syarikat luar pesisir menjalankan operasi petroleum. Fasal ini seterusnya bertujuan membenarkan syarikat luar pesisir melabur dalam syarikat demestik melalui portfolio dan skim pelaburan kolektif sebagai aktiviti perniagaan luar pesisir. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

Bab VII adalah berkaitan dengan pindaan kepada Akta Levi Kenderaan

Barang-barang, 1983. Pada masa ini levi hanya dikenakan ke atas kenderaan barang-barang yang meninggalkan Malaysia. Sehubungan dengan itu Fasal 29 adalah bertujuan meminda tajuk panjang Akta untuk meliputi pengenaan levi ke atas kenderaan barang-barang yang memasuki Malaysia. Fasal 30 adalah bertujuan meminda seksyen 3 dengan memperuntukkan bagi pengenaan levi kenderaan barang-barang ke atas kenderaan barang-barang yang memasuki Malaysia. Di samping itu dicadangkan supaya amaun levi hendaklah ditetapkan melalui perintah yang disiarkan di dalam Warta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan, 1997, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah, 1976, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan), 1977, Akta Setem, 1949, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan, 1990 dan Akta Levi Kenderaan Barang-barang, 1983 di bacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas sekarang. Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

4.00 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya mengucapkan terima kasih dan tidak bercadang untuk mengambil masa yang panjang. Cuma.....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak panjang itu berapa lama agaknya? Selalunya Datuk Ibrahim kalau tidak panjang, lebih kurang sejam.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Mungkin 10 minit, Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah. Berhubung dengan rang undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, saya amat gembira, Tuan Yang di-Pertua, apabila mendengar beberapa Fasal telah dipinda. Lebih-lebih lagi Fasal 6 berhubung dengan sifat prihatin kerajaan terhadap golongan daif iaitu orang-orang tua dan cacat dengan diberi pelbagai pelepasan cukai.

Oleh kerana ianya berkaitan dengan urusan pentadbiran ataupun urusan pengurusan kewangan, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pertolongan dan prihatin kita kepada orang-orang tua dan golongan daif, selain daripada pelepasan cukai, berbagai-bagai usaha telah dibuat dan dijalankan oleh pihak kerajaan.

Cuma saya hendak menarik perhatian mengenai satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan pungutan wang zakat. Pungutan wang zakat ini samalah dengan pungutan wang fitrah yang diwajibkan kepada kita sebagai orang-orang Islam. Manakala dalam urusan pungutan zakat, kita lihat di akhir-akhir ini sambutan....

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Ibrahim, berhenti sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan 6(3), saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Ding Seling untuk mempengerusikan Majlis.

[Yang Berhormat Tuan Ding Seling **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Ding Seling: Sila teruskan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada perkara pungutan zakat kerana di akhir-akhir ini, kita amat bangga melihat kebanyakan di kalangan masyarakat kita terutamanya orang-orang Islam yang berjaya dalam bidang perniagaan mula menunjukkan tanggungjawab dan kewajipan mereka dengan membayar zakat.

Saya mendapat maklum balas, Majlis Hal Ehwal Agama Islam Wilayah Persekutuan, sebagai contoh telah berjaya mengutip zakat melalui pelbagai usaha dan kempen kesedaran sehingga kalau tidak silap saya mengikut maklum balas yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, daripada tahun 1991 sehingga tahun 1994, belum masuk tahun ini, pungutan zakat sudah mencecah lebih dari RM100,000,000. Kurang lebih, anggarannya RM20,000,000 ke RM30,000,000 setahun dan ini cukup menggalakkan dan kita berharap ramai lagi mereka yang sepatutnya membayar zakat, tampil ke hadapan membayar zakat.

Selain dari itu, apakah tujuan zakat ini? Saya percaya tujuan zakat mengikut konsep dan pandangan Islam ialah untuk membantu mereka yang perlu diberi bantuan dan pertolongan. Contohnya bagaimana kerajaan meminda Fasal 6 untuk memberi pelepasan cukai kepada orang-orang tua dan golongan daif tetapi pada saya, Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi kita boleh lakukan untuk orang-orang tua, orang-orang daif dan orang-orang yang perlu mendapat pertolongan termasuk

golongan yang dikatakan golongan termiskin, yang banyak lagi boleh kita buat, yang banyak lagi kita boleh membantu.

Kalaulah seperti contoh, wang zakat yang dipungut ini dibahagi dengan cepat dan dibahagi secara yang profesional. Saya tanya tokoh-tokoh agama yang arif dalam bidang zakat ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak tepat, saya harap pandangan saya ini diperbetulkan.

Saya diberi tahu dan saya juga merujuk kepada beberapa risalah yang ditulis oleh tokoh-tokoh Islam bahawa zakat ini kalau kita pungut dalam tahun 1991, maka wang tersebut mesti dibahagi-bahagikan juga dalam tahun tersebut kepada golongan hasanah ini, golongan yang perlu menerima zakat ini, tetapi kita dapati wang ini terkumpul dengan begitu banyak dan memang saya diberi tahu juga, sepanjang saya sebut daripada tahun 1991 sehingga akhir 1995, saya difahamkan hanya RM30,000,000 sahaja dibelanjakan dan sebahagiannya belum lagi dibelanjakan ataupun wang tersebut dimasukkan untuk tujuan pelaburan.

Mungkin tidak salah dari segi hal pelaburan tetapi ia mesti ada jangka waktunya di mana wang yang diterima melalui zakat, mesti dan wajib diberi kepada orang-orang yang berhak menerima. Bukan untuk kita simpan, berniaga ataupun membuat pelaburan sehingga membina bangunan atau seumpamanya. Wang ini untuk fakir miskin.

Jadi, kenapakah pembahagian ini lambat? Saya hendak tanya, apakah kerajaan sedar pembahagian-pembahagian yang patut diberi? Sebenarnya

golongan daif, orang-orang tua dan cacat ini, pendek kata kalau tengok kepada wang zakat yang dipungut oleh tiap-tiap negeri termasuk Wilayah Persekutuan tadi, saya rasa sememangnya setiap rakyat di negara kita boleh bergembira. Alhamdulillah.

Boleh dikatakan semua orang terbelah termasuk golongan fakir miskin ini. Tetapi kalau ianya disimpan dan lambat dibahagi-bahagikan, sudah barang tentu semangat dan konsep zakat itu sendiri tidaklah ditepati. Kenapa ianya lambat?

Ini saya hendak sebut di sini, Tuan Yang di-Pertua, pandangan sayalah. Mungkin mereka yang ada di Majlis Agama Islam ini ialah orang-orang agama. Bukan bererti orang agama tidak tahu hal pengurusan kewangan tetapi ustaz-ustaz ini, kalau ia membabitkan soal kewangan yang begini banyak dan melibatkan soal pengurusan, tentulah saya percaya lebih baik pembahagian tersebut mestilah diurus oleh pihak profesional.

Pihak orang alim ataupun ustaz ataupun tokoh-tokoh agama ini, mereka boleh memberi pandangan, boleh berada dalam jawatankuasa tetapi pengurusan harian itu dan tindakan-tindakan cepat itu harus ditentukan satu pengurusan yang benar-benar berkesan supaya wang yang dipungut melalui zakat dikembalikan kepada mereka yang berhak menerima pertolongan daripada kutipan tersebut. Kalau tidak, ianya tidak bermakna.

Ini satu perkara yang besar, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dalam konsep pemerintahan Islam, kalau kita lihat di zaman-zaman dahulu dan sekarang di

sesetengah negara seperti Saudi Arabia, Iran dan seumpamanya, ini dikira paling penting. Ini agenda utamanya sebab wang ini, wang yang diberi melalui zakat oleh mereka yang mampu dan patut membayar zakat dan mereka beri itu ialah untuk tujuan kepentingan yang disebutkan tadi. Kalau tidak, ianya tidak menepati matlamat.

Oleh itu, saya berharap Kementerian Kewangan mengkaji balik kedudukan ini dan kalau perlu, undang-undang ataupun peraturan yang sedia wujud dipinda, mestilah dipinda dengan segera dan saya percaya, kalaulah ini dapat dilakukan secepat mungkin, insya-Allah, saya cukup yakin selain daripada pelepasan cukai seperti dengan masalah perubatan dan peralatan-peralatan untuk mereka yang daif, diberi pelepasan cukai tetapi dari segi habuan secara langsung, yang mereka dapat nikmati untuk kepentingan dari segi makanan, tempat tinggal, kemudahan pelajaran dan seumpamanya, pada golongan yang layak, insya-Allah, mereka akan menikmati apa yang patut mereka nikmati melalui konsep pungutan zakat mengikut kehendak Islam.

Sekian, saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah, sila.

4.09 ptg.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 selaras dengan Belanjawan Negara 1996 yang telah pun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Walau bagaimanapun, saya mengambil kesempatan ini untuk memberi pandangan kepada dua perkara iaitu pertamanya, saya ingin mengulangi bahawa pindaan untuk seksyen 46 diminta supaya dipertimbangkan menambah perkataan “suami” selepas perkataan “isteri” supaya selaras dengan pindaan kepada seksyen 48.

Keduanya, saya ingin menyentuh Fasal 14, Jadual 1. Sebagaimana yang telah kita tahu bahawa sebuah koperasi adalah pertubuhan berautonomi di mana anggotanya bersatu secara sukarela demi mencapai kepentingan bersama dan aspirasi bersama di bidang ekonomi, sosial dan budaya melalui satu badan yang dimiliki bersama dan dikawal secara demokrasi. Oleh itu, gerakan koperasi bukanlah satu organisasi yang berprofit orientated ataupun bermatlamat mengaut keuntungan sebagaimana matlamat syarikat swasta ataupun korporat, tetapi ia lebih merupakan service orientated ataupun bermatlamat memberi perkhidmatan kepada anggotanya.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mengkaji untuk tidak mengenakan cukai kepada keuntungan Gerakan Koperasi Negara. Sebaliknya, mencadangkan supaya sumbangan 3% daripada keuntungan dinaikkan kepada peratusan yang lebih munasabah, tidaklah sebagaimana sekarang di mana koperasi diperlukan membayar cukai mengikut Jadual 1 dan di masa yang sama menyumbang 3% kepada Gerakan Koperasi Negara.

Saya harap kerajaan bersedia menimbang cadangan ini memandangkan

ada negara-negara lain yang mengamalkan dan telah beroleh kejayaan. Yang pentingnya, saya amat bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen semalam semasa beliau menggulung ucapan Budget semalam bahawa jatuh bangunnya gerakan koperasi adalah tanggungjawab gerakan itu sendiri kerana semuanya adalah suka dan rela.

Saya percaya, jika dikaji cadangan saya tadi, kita dapat terus meningkatkan agenda kita di dalam membangunkan kegiatan, baik wanita atau lelaki, di dalam Gerakan Koperasi Negara sejajar dengan nilai-nilai dan prinsip-prinsip yang dipersetujui di Persidangan Koperasi yang lalu dan yang terakhirnya di Manchester pada tahun 1995 yang lalu untuk diterima pakai dan dipraktikkan di Malaysia. Apabila keuntungan Gerakan Koperasi diurus sendiri oleh gerakan tersebut, saya percaya bahawa Gerakan Koperasi Negara akan lebih berdaya maju, berdaya saing dan akan benar-benar bertanggungjawab di atas pembangunannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian kerajaan terhadap pengendalian tabung ataupun dana yang sedia ada yang dinamakan Tabung Amanah Pendidikan Koperasi dan Tabung Modal Pusingan Koperasi yang mana sumbangan seluruhnya adalah daripada keuntungan Gerakan Koperasi Negara. Diharapkan tabung-tabung tersebut dapat dikendalikan oleh wakil-wakil daripada gerakan koperasi sendiri dan tidaklah sebagaimana sekarang, perwakilan koperasi dalam pengendalian tabung-tabung tersebut tidak jelas dan tidak nyata.

Sungguh tidak adil atau saksama jika tabung itu dikendalikan oleh pihak

eksekutif ataupun pegawai-pegawai kerajaan. Negara kita sudah begitu lama merdeka, oleh itu merdekakanlah dan bebaskanlah Gerakan Koperasi Negara daripada belenggu yang memang wujud daripada zaman penjajahan dahulu lagi. Sudah tiba masanya kerajaan menimbangkan tabung-tabung yang disumbangkan oleh Gerakan Koperasi ini ditadbirkan mengikut semangat koperasi ataupun semangat bekerjasama yang sejati.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

4.14 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada sahabat-sahabat saya, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali dan Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah yang membahaskan pindaan Rang Undang-undang Kewangan.

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali membangkitkan dua perkara yang sungguh penting, khususnya di dalam soal pungutan wang zakat dan mengenai dengan pelupusan ataupun insentif yang diberi kepada orang-orang yang membayar cukai dan yang menyara ahli-ahli masyarakat lain yang daif.

Ingin saya nyatakan di sini, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali sendiri adalah seorang yang menjalankan satu Yayasan Pasir Mas yang menjaga

ataupun di Kedah, dia kata “bela”. Di Kelantan, minta maaf, “bela” itu, lain. Yang membela berpuluh-puluh orang-rang daif. “Bela” ini dalam takrif Kedah ya. Membela berpuluh-puluh orang daif dan saya fikir pihak Jabatan Cukai tidak ada menghampiri institusi Yayasan Pasir Mas. Kerana apa yang saya tahu dan saya telah melawat Yayasan Pasir Mas yang membuat satu kerja amal yang sungguh murni. Saya fikir setakat ini JHDN belum dan tidak akan pergi ke situ untuk mengutip cukai.

Perkara yang kedua iaitu mengenai pungutan wang zakat. Tuan Yang di-Pertua, masalah wang zakat ini bukanlah masalah baru. Daripada pihak kerajaan mewujudkan birokrasi, Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri, semenjak birokrasi ditubuhkan, masalah-masalah besar berbangkit dalam soal pungutan wang zakat. Bukan sahaja efficiency ataupun kecekapan pengurusan ataupun pentadbiran wang zakat dipersoalkan, malah soal penyelewengan wang zakat banyak berlaku di Jabatan-jabatan Zakat Negeri.

Jadi, wang zakat ini adalah hak Allah S.W.T., bukan hak manusia. Jadi, zakat itu adalah hak Allah S.W.T. Kalau hak Allah pun diselewengkan, maka ini menjadi satu perkara yang besar. Dalam Islam, zakat itu bukanlah hak kita. Bukan hak muslim atau mukmin yang apabila diberi zakat, itu telah menjadi hak Allah dan hak Allah ini mestilah ditadbirkan dengan baik. Tetapi sehingga sekarang, dalam zaman kecanggihan pentadbiran dan pengurusan, masih lagi berlaku penyelewengan, masih lagi berlaku ketidakcekapan dalam hal ini.

Jadi, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali membawa perkara ini adalah cukup baik untuk dilaungkan, tetapi malangnya Kementerian Kewangan tidak ada kuasa langsung di dalam pentadbiran wang zakat. Pentadbiran wang zakat adalah di bawah Kerajaan Negeri dan di Wilayah Persekutuan, ia di bawah Wilayah Persekutuan dan tidak termasuk dalam Undang-undang Kewangan yang kita bahaskan. Tetapi, ingin saya nyatakan, saya setuju dengan pendapat sahabat saya, Datuk Haji Ibrahim bin Ali iaitu masalah central atau masalah pusatnya ialah apa yang disebut oleh beliau tadi, dibahagikan secara efisien dan oleh orang-orang yang mempunyai tahap profesional yang tinggi dan orang-orang yang tahu mengurus kewangan.

Jadi, bukanlah kita hendak marah ustaz-ustaz yang menguruskannya, tetapi kerja ini sepatutnya diberi kepada the right person, dengan izin, dan the person who know how to manage the money. Jadi, RM30 juta daripada RM100 juta hanya diberikan kepada 8 asnaf dan adalah tidak menunjukkan efficiency yang tinggi.

8 asnaf ini banyak bertaburan di Wilayah Persekutuan. RM100 juta banyak. Fakir, miskin, amil, muallaf, riqaf. Amil, bukan Amir. Amir, raja - siapa beri zakat pada raja? Jadi, Amil. Amil ini orang yang kutip. Fisabilillah, ibnu sabil dan lain-lain lagi. Jadi, banyak di Wilayah Persekutuan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sokong pendapat Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, tetapi malangnya bukan di bawah Kementerian Kewangan,

walaupun kita ingin hendak memperbaiki, tetapi di luar jagaan ataupun di luar jurisdiction kami. Malah, di masa saya bekerja di Kedah dahulu, untuk pengetahuan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, kita cuba mengadakan satu kertas kerja untuk memperbaiki sistem pengambilan zakat di Kedah dan di Perlis di bawah Rancangan Pengairan Muda.

Kerana di kawasan ini, zakat hanya dikutip daripada pesawah padi, orang yang berpendapatan wang tidak dikutip pada masa itu. Macam saya, tidak dikutip zakat. Gaji saya masa itu, RM2000. Yang Berhormat Datuk Abu Bakar RM1800 di Kedah, tetapi tidak dikutip. Kami terpaksa pergi membayar sendiri. Tetapi yang dikutip ialah daripada pesawah padi. Kalau tidak dibayar, mereka diheret ke mahkamah. Beberapa kes seperti kes Hamid Desa iaitu kes Johan Tilawatul Quran tahun 1960-an. Kes Hamid Desa menjadi satu kes yang kita kata, special case iaitu beliau mencabar kewibawaan Pejabat Zakat, dia tidak mahu bayar zakat kerana padanya, tidak efisien dan lain-lain lagi seperti mana Datuk Haji Ibrahim bin Ali cakap.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, Datuk Haji Ibrahim minta laluan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya, sila.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Walaupun bukan di bawah jurisdiction Kementerian Kewangan tetapi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyampaikan perkara ini kepada

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sebab Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan adalah juga anggota Majlis Agama Islam Kebangsaan yang boleh menyuarakan perkara ini lebih-lebih lagi hal dalam konteks Wilayah Persekutuan. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah, saya akan membawa seluruh *Hansard* perbincangan kita hari ini kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Untuk Wilayah Persekutuan, saya rasa tidak ada masalah untuk memperbaiki. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Datuk, di negeri-negeri seperti negeri saya di Kedah, zakat adalah dengan izin, prerogative Tuanku Sultan. Jadi, bila kita hendak mewujudkan apa-apa inovasi, selalu ditahan oleh pegawai, 'Ini hak Sultan, tak boleh rakyat kacau', walaupun selepas kita meminda Perlembagaan Negara. Sekarang hak sultan siapa pun tak boleh tempoh. Walaupun perkara itu tidak efisien, walaupun zakat itu diambil daripada golongan yang pada asasnya adalah on the border line of poverty. Jadi, inilah satu masalah dan saya harap Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali membangkitkan dan melaungkannya di luar Dewan sehingga kita dapat mencapai satu reformasi zakat yang berkesan dan bermakna.

Tuan Ding Seling: Datuk Hashim.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit. Saya rasa isu ini telah agak serius iaitu soal agama, soal pelaksanaan dan

ada kaitan sepertimana disebut oleh Datuk Ibrahim tadi. Kita kerajaan - ini sekadar akademik exerciselah. Apakah cara lain kerajaan kita untuk memastikan perkara ini dapat diperbetulkan. Soal Tuankukah, soal tok guru baik dengan malaikat, dengan Tuhan, itu soal lain. Tetapi kita yang bertanggungjawab untuk kita fikirkan bagaimana untuk memastikan supaya perkara ini dapat diselesaikan. Kalau bolehlah. Saya ingin mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Boleh, Tuan Yang di-Pertua. Pada saya kalau hendak diperbaiki, kenalah wujudkan constitutional amendment yang mana hak ke atas zakat diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan. Tetapi ini akan menjadi satu perkara yang sensitif dan mungkin political will. Apabila wujud political will pada peringkat dua Dewan, Dewan Rakyat dan Dewan Negara boleh dilakukan. Itu jawapan akademik juga, Datuk.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah membangkitkan tiga perkara iaitu Cukai Pendapatan di bawah seksyen 46, Cukai Koperasi dan juga Tabung Amanah Pendidikan Koperasi. Saya mengambil note ataupun mencatat cadangan-cadangan baik yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi kerana saya juga dahulu berjuang dalam koperasi, dalam KUB dan juga dalam Pertubuhan Peladang.

Ingin saya menerangkan sedikit mengenai hal cukai. Yang Berhormat Puan Rahaiah sedia maklum bahawa koperasi-koperasi yang mempunyai modal saham

di bawah RM500,000 ia tidak kena cukai langsung. Yang kita bincangkan 0% - 32% ini adalah koperasi yang besar-besar seperti LTAT, KUB dan lain-lain lagi. Koperasi yang besar-besar ini mendapat hasil dividen daripada usaha-usaha business yang besar-besar. Ini kerajaan terpaksa meraih sebahagian daripada keuntungan itu untuk perbelanjaan untuk rakyat juga. Jadi, RM500,000 itu kalau Yang Berhormat hendak mencadangkan supaya dinaikkan kepada RM1 juta di dalam Belanjawan tahun hadapan, mungkin kita ambil kira.

Cadangan Yang Berhormat supaya Tabung Amanah Pendidikan Koperasi itu ditadbirkan oleh orang-orang profesional, memang sekarang ini pada pengetahuan saya ditadbirkan oleh pegawai-pegawai, pengurus-pengurus. Mungkin Yang Berhormat berkehendakkan profesionalisme menjurus ke arah spesialisasi, akauntansi dan bukannya pegawai-pegawai yang mempunyai ijazah umum atau generalist. Itu kita akan mengambil note mengenai cadangan Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada komen yang lain lagi dan segala cadangan dan pandangan dua Ahli Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali dan Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah adalah diambil ingatan dan kita akan mempertimbangkan cadangan-cadangan yang baik. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.30 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Bismillahhir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendidikan dan perkara yang berkaitan dengannya dibacakan pada kali yang kedua.

Rang Undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan mengadakan satu

undang-undang pendidikan yang baru, menyeluruh, lengkap dan kemaskini bagi menggantikan Akta Pelajaran 1961 yang akan dimansuhkan dengan berkuatkuasanya Akta Pendidikan 1995. Akta Pelajaran 1961 memaktubkan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang telah dilaksanakan sehingga sekarang. Dasar tersebut diasaskan kepada perakuan-perakuan utama dalam Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960 dan telah melahirkan Sistem Pendidikan Kebangsaan yang terdapat pada hari ini.

Pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan dalam tahun-tahun akhir 50-an, 60-an dan 70-an memberi tumpuan kepada aspek kuantitatif berteraskan prinsip pendemokrasian pendidikan dalam usaha membangunkan bangsa Malaysia yang bersatu padu dan harmonis. Pelaksanaannya juga sejajar dengan penerapan prinsip dan nilai yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru, Rukunegara dan Rancangan Lima Tahun Malaysia.

Ini bermakna bahawa kita telah meletakkan asas yang kukuh dalam membuka peluang kepada rakyat tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan untuk memperolehi pendidikan sarwajagat. Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979 yang dipengerusikan oleh Menteri Pelajaran pada masa itu iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah memperakukan kepada cadangan untuk memperkemas dan memperkukuhkan pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Berdasarkan laporan tersebut, mulai tahun 1980-an pendidikan di negara ini telah memperlihatkan keprihatinan kepada

peningkatan kualiti pendidikan yang melibatkan peningkatan kualiti, kurikulum, pendidikan guru, perancangan, pengurusan dan memperkenalkan beberapa inovasi pendidikan yang lain. Dengan itu, KBSR yang memberi penekanan kepada konsep 3M iaitu kemahiran membaca, menulis dan mengira telah diperkenalkan di sekolah rendah. Kemudiannya KBSM pula telah diperkenalkan yang memberi penekanan kepada konsep sepadu, seimbang dan menyeluruh.

Pelaksanaan reformasi pendidikan telah diperkukuh dengan pernyataan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) secara bertulis pada tahun 1989 semasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana, Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim menjadi Menteri Pendidikan. Falsafah tersebut menitikberatkan pembinaan potensi individu yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sejajar dengan aspirasi negara dan kepatuhan kepada Tuhan. Dalam pada itu, negara kita sedang mengalami satu transformasi yang menyeluruh dalam semua aspek kehidupan kesan peningkatan proses globalisasi dalam bidang ekonomi dan perdagangan antarabangsa serta daya saing yang sengit akibat dari perkembangan sains, teknologi, telekomunikasi dan maklumat. Di samping itu, Malaysia juga sedang giat membuat persediaan untuk mencapai taraf negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020. Perkembangan-perkembangan ini telah menimbulkan tuntutan baru terhadap sistem pendidikan kebangsaan kerana sistem pendidikan memainkan peranan utama dalam menentukan kejayaan wawasan negara.

Kejayaan kita setakat ini telah meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara

contoh dan terkemuka di kalangan negara-negara sedang membangun tetapi aspirasi dan cita-cita kita adalah untuk melangkah jauh ke hadapan sebagai sebuah negara industri yang maju. Sehubungan itu, segala yang hendak kita lakukan adalah bermula dengan penggubalan rang undang-undang ini yang bertujuan mencapai kejayaan bukan secara berdikit-dikit tetapi dengan pertambahan bersifat lonjakan berganda (quantum leap) oleh kerana Wawasan 2020 itu sendiri merupakan satu lonjakan berganda bagi negara.

Dengan berlatarbelakangkan ini, kerajaan berpendapat bahawa satu Akta Pendidikan yang baru perlu digubal. Penggubalan ini telah dibuat dengan teliti dan telah mengambil masa selama 6 tahun. Draf yang telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan dengan kerjasama rapat Jabatan Peguam Negara telah dikaji dan dipindasuai oleh Jawatankuasa Peringkat Menteri yang dibentuk oleh Kerajaan Barisan Nasional serta telah dipengerusikan oleh tiga orang Menteri Pendidikan. Jawatankuasa tersebut telah mengkaji rang undang-undang tersebut secara terperinci, adil dan saksama dan akhirnya Jemaah Menteri telah mencapai kata sepakat tentang kandungan rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini.

Dalam penggubalan rang undang-undang ini, pandangan pelbagai pihak yang meliputi pertubuhan-pertubuhan pendidikan, sosial, agama, politik serta orang perseorangan telah diperolehi melalui memorandum, usul dan pandangan-pandangan yang disampaikan kepada Kementerian Pendidikan. Berikutan dengan

keputusan Jemaah Menteri pada 30hb. Ogos 1990, Majlis Perundingan Akta Pendidikan yang terdiri daripada 81 orang yang mewakili pelbagai jenis pertubuhan juga telah ditubuhkan untuk meneliti draf awal rang undang-undang ini dan memberi pandangan atau cadangan. Majlis yang merupakan satu permuafakatan nasional ini telah bersidang mulai pada 3hb. September, 1990 dan telah mengadakan tujuh perjumpaan.

Seperti yang telah dinyatakan di peringkat awal tadi, bahawa rang undang-undang ini adalah satu Rang Undang-undang Pendidikan yang baru dan bukannya pindaan kepada Akta Pelajaran 1961. Akta Pelajaran 1961 telah berjaya mencapai objektifnya. Namun demikian, untuk dapat kita menangani cabaran abad ke-21 dan memenuhi tuntutan aspirasi Wawasan 2020, kita perlu mewujudkan satu perundangan pendidikan baru yang lengkap, kemaskini dan bersifat futuristik yakni sebagai persediaan untuk melangkah ke abad 21.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan adalah menjadi faktor utama sebagai penyelamat bangsa dan penentu kritikal dalam memastikan kejayaan pembangunan insan dan negara. Rang undang-undang ini bertujuan untuk melahirkan sistem pendidikan yang akan membolehkan masyarakat Malaysia menguasai ilmu, kemahiran, ketrampilan dengan berpaksikan nilai murni yang diperlukan dalam dunia bersifat global dan semakin bersaing. Adalah menjadi misi kerajaan untuk menghasilkan sistem pendidikan yang bertaraf dunia dari segi kualiti ataupun dengan izin, 'a world class quality education system' bagi memperkembangkan

potensi individu sepenuhnya dan mencapai aspirasi negara Malaysia.

Untuk tujuan ini, beberapa mata pelajaran penting perlu diberi penekanan. Bahasa Inggeris akan terus dijadikan sebagai bahasa kedua dalam sistem pendidikan kebangsaan kerana penguasaan bahasa Inggeris adalah penting dan melalui bahasa tersebut ilmu dan pengetahuan yang terbaru dalam berbagai bidang dapat diperolehi.

Dalam usaha kita untuk menjadikan Malaysia sebuah masyarakat saintifik dan progresif yang bukan sahaja menggunakan kemajuan tersebut, malah mampu menyumbang ke arah tamadun sains dan teknologi masa hadapan, penguasaan dalam bidang sains dan matematik perlu dipertingkatkan sekiranya kita hendak bersama-sama menyertai arus perdana perkembangan sains dan teknologi.

Di samping itu, kemahiran-kemahiran seperti pengkomputeran, pengendalian maklumat dan kemahiran komunikasi perlu diperkukuhkan supaya rakyat negara ini akan dapat bersaing bukan sahaja sesama sendiri tetapi juga di peringkat global. Hakikat ini perlu disedari dan dihayati oleh semua pihak dan rumusan penilaian ini telah dijadikan sebagai formula kepada mukadimah Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang menggambarkan halatuju sistem pendidikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, falsafah pendidikan negara digubal dengan berpandukan kepada hasrat dan cita-cita yang terkandung dan tersirat dalam Penyata Razak, Laporan Rahman Talib, Akta Pelajaran 1961, Laporan

Jawatankuasa Kabinet 1979 dan Rukunegara. Falsafah Pendidikan Negara menggariskan tiga bidang utama yang menjadi tujuan pendidikan iaitu perkembangan individu secara menyeluruh dan bersepadu, perpaduan rakyat serta kemakmuran negara. Matlamat ini bertujuan untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis serta melahirkan rakyat Malaysia yang baik dari segala aspek.

Adalah jelas bahawa Falsafah Pendidikan Negara memberi penekanan dan orientasi yang baru kepada Sistem Pendidikan Kebangsaan dan rang undang-undang ini sewajarnya digubal berdasarkan falsafah tersebut. Pernyataan Falsafah Pendidikan Negara ini dimuatkan dalam mukadimah.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan pula peruntukan-peruntukan utama yang terdapat dalam Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini memperuntukkan buat pertama kalinya dengan jelas ciri utama dasar pendidikan kebangsaan.

Ciri-ciri utama yang dimaksudkan ialah Bahasa Kebangsaan iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama, satu kurikulum kebangsaan dan peperiksaan yang sama. Perkara ini sebenarnya telah dicadangkan pada mulanya oleh Penyata Razak dan ditegaskan dalam Laporan Rahman Talib. Dengan itu, dasar pendidikan yang terkandung dalam Rang Undang-undang Pendidikan ini adalah berpaksikan kepada perakuan-perakuan Penyata Razak dan Laporan Rahman Talib.

Saya juga ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Rang Undang-undang Pendidikan ini memperjelaskan buat pertama kalinya tentang komponen-komponen Sistem Pendidikan Kebangsaan. Fasal 15 memperuntukkan sistem tersebut sebagai terdiri daripada:

- (a) pendidikan prasekolah;
- (b) pendidikan rendah;
- (c) pendidikan menengah;
- (d) pendidikan lepas menengah; dan
- (e) pendidikan tinggi, tetapi tidak termasuk sekolah ekspatriat.

Sementara itu, Fasal 16 mempernyatakan tiga kategori institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan yang terdiri daripada:

- (i) institusi pendidikan kerajaan;
- (ii) institusi pendidikan bantuan kerajaan; dan
- (iii) institusi pendidikan swasta.

Ini bermakna Sistem Pendidikan Kebangsaan bukan sahaja terdiri daripada institusi-institusi pendidikan yang dibiayai oleh kerajaan, tetapi juga meliputi institusi-institusi pendidikan yang dibiayai oleh pihak swasta di semua peringkat pendidikan. Oleh kerana pendidikan swasta dirangkumi sebagai sebahagian daripada Sistem Pendidikan Kebangsaan, pendidikan swasta perlu diorientasikan untuk mencerminkan beberapa ciri asas keperibadian kebangsaan dengan menggunakan kurikulum kebangsaan, menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai

bahasa pengantar utama melain dikecualikan di samping menyediakan pelajar-pelajar untuk menduduki peperiksaan awam iaitu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal-fasal 17, 18 dan 19.

Kedudukan Bahasa Kebangsaan diperkukuhkan dengan memperuntukkannya sebagai bahasa pengantar utama dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 17, Fasal tersebut memperkuat lagi kedudukan Bahasa Kebangsaan dengan menjadikannya sebagai mata pelajaran wajib di semua sekolah dan institusi pendidikan termasuk sekolah dan institusi pendidikan swasta. Ini adalah kerana Bahasa Kebangsaan merupakan wahana penting dalam memupuk proses integrasi nasional dan perpaduan bangsa, di samping itu digunakan sebagai bahasa perantaraan atau bahasa komunikasi utama di kalangan penduduk negara ini.

Sebenarnya sebelum ini, Bahasa Kebangsaan tidak pernah diperuntukkan dengan jelas sebagai bahasa pengantar utama di semua sekolah melainkan di sekolah kerajaan. Sebelum ini juga tidak ada peruntukan jelas yang memerlukan sekolah swasta mengajar Bahasa Kebangsaan sebagai mata pelajaran wajib. Dengan itu, Rang Undang-undang Pendidikan ini akan mewajibkan semua sekolah termasuk sekolah swasta, mengajar Bahasa Kebangsaan.

Kurikulum semua jenis dan kategori sekolah akan selaras dengan kehendak negara apabila kurikulum kebangsaan wajib digunakan oleh semua sekolah termasuk sekolah swasta mengikut peruntukan rang undang-undang ini.

Kurikulum kebangsaan adalah penting untuk mewujudkan keperibadian kebangsaan dalam mencapai matlamat perpaduan negara. Namun demikian, sekolah swasta telah dianggap telah mematuhi peruntukan ini sekiranya sekolah tersebut menggunakan mata pelajaran teras dalam kurikulum kebangsaan seperti yang diperuntukkan dalam Jadual subseksyen 18(2).

Sebenarnya penggunaan kurikulum kebangsaan di semua jenis sekolah belum pernah diperuntukkan, oleh itu Fasal 18 memperuntukkannya supaya kurikulum tersebut digunakan oleh semua jenis sekolah dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan termasuk yang dikelolakan oleh pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini akan memastikan murid-murid daripada semua jenis dan kategori sekolah disediakan untuk mengambil peperiksaan yang ditetapkan oleh kerajaan supaya memudahkan kita menggunakan penilaian atau pengukuran yang sama pencapaian murid di semua sekolah di negara kita. Setakat ini belum ada peruntukan yang memerlukan sekolah menyediakan murid untuk mengambil peperiksaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

Untuk mengatasi masalah ini, maka Fasal 19 diperuntukkan supaya semua sekolah menyediakan murid untuk mengambil peperiksaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan melain dikecualikan. Dalam konteks ini, penilaian sebagai asas kepada pengukuran kemahiran dalam pembelajaran adalah perlu untuk mendapatkan maklumat tentang pencapaian serta kemajuan murid dan

pelajar. Oleh kerana perkara ini belum pernah diperuntukkan maka Fasal 67 diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini.

Pendidikan Islam akan diperluaskan untuk murid Islam di semua kategori sekolah termasuk sekolah swasta. Mengikut undang-undang yang ada sekarang, sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan sahaja yang wajib menyediakan kemudahan bagi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam apabila terdapat 15 orang murid Islam atau lebih, tetapi peruntukan ini tidak meliputi sekolah swasta. Rang Undang-undang ini memperuntukkan supaya Pendidikan Islam wajib diajar kepada setiap murid Islam di semua jenis sekolah. Oleh itu Fasal 50 memperuntukkan supaya semua sekolah termasuk sekolah swasta wajib mengadakan kemudahan bagi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam apabila terdapat 5 orang murid Islam atau lebih di sesebuah sekolah. Sementara itu Jadual subseksyen 18(2), memperkukuhkan lagi Pendidikan Islam dengan menjadikannya sebagai salah satu daripada mata pelajaran teras.

Fasal 52 pula memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk memberi bantuan kewangan secara sumbangan kepada sekolah-sekolah agama rakyat.

Sehubungan ini, sukacita juga saya maklumkan bahawa Kementerian Pendidikan telah merancang beberapa program untuk mempertingkatkan pendidikan Islam. Penilaian Perkara Asas Fardu Ain atau PAFA telah diperkenalkan dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Sekolah Menengah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Tujuannya ialah untuk

memastikan supaya setiap pelajar di sekolah dapat memahami dan mengamalkan aspek-aspek yang wajib dalam pendidikan Islam. Pemahaman dan keupayaan tersebut diharap akan menjadi pegangan dan seterusnya menjayakan konsep “Islam Sebagai Satu Cara Hidup”.

Resolusi Seminar Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan yang dianjurkan pada 3 Oktober, 1995 yang telah dibuat berhubung dengan penyusunan semua kurikulum pendidikan guru dan strategi pengajaran akan dilaksanakan untuk memberi pendekatan baru terhadap pendidikan Islam. Di samping itu, untuk mempertingkatkan lagi pengajaran dan pembelajaran Agama Islam, Sektor Pendidikan Islam akan diwujudkan di Jabatan Pendidikan Negeri.

Langkah-langkah ini membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional memang memberikan perhatian yang serius kepada pendidikan Islam yang berkesan di negara ini. Ini adalah selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan insan unggul yang bukan sahaja seimbang dari aspek fizikal, mental dan emosi, tetapi juga mempunyai nilai-nilai kerohanian yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan prasekolah merupakan satu program pendidikan tidak formal yang sangat penting sebagai persediaan untuk pendidikan formal di peringkat sekolah rendah. Sungguhpun telah timbul kesedaran yang tinggi tentang pentingnya program prasekolah, namun, masih terdapat sebilangan besar kanak-kanak di luar bandar dan di kalangan keluarga yang daif di bandar,

tidak mempunyai peluang untuk mengikuti program tersebut.

Peluang yang tidak seimbang untuk mengikuti program ini akan memperluaskan peluang mengejar ilmu seterusnya baik pada peringkat rendah, menengah mahupun pada peringkat universiti. Kita tidak seharusnya membiarkan keadaan tidak seimbang berterusan. Kita juga tidak sepatutnya terus meminggirkan masyarakat luar bandar dan masyarakat bandar yang daif ini. Oleh itu, masa dan ketikanya telah tiba untuk kita membetulkan keadaan demi keadilan.

Oleh itu, Fasal 15 menjadikan pendidikan prasekolah sebagai sebahagian dari sistem pendidikan kebangsaan manakala Fasal 21 memperuntukan kuasa kepada Menteri untuk membolehkannya menubuh dan menyara tadika. Dengan peruntukan ini, Menteri Pendidikan akan dapat mengadakan pendidikan prasekolah yang berkualiti kepada kanak-kanak luar bandar dan yang daif di bandar yang selama ini tercicir.

Saya ingin juga menyatakan bahawa pada masa sekarang pendidikan prasekolah dikendalikan oleh berbagai-bagai pihak termasuk agensi-agensi kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan pertubuhan sosial. Pihak-pihak yang mengendalikan pusat-pusat prasekolah ini biasanya menentukan sendiri konsep dan objektif program pendidikan bagi pusat prasekolah tersebut. Konsep yang digunakan itu tidak semuanya sejajar dengan prinsip dan falsafah pendidikan bagi peringkat pendidikan sekolah dan mungkin juga tidak semuanya sesuai dengan hasrat dan aspirasi negara.

Oleh itu, Fasal 20 memerlukan semua tadika didaftar di bawah rang undang-undang ini. Fasal 22 menyatakan bahawa program dan kegiatan tiap-tiap tadika akan diwajibkan menggunakan garis panduan kurikulum prasekolah yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan. Fasal 15 menjadikan pendidikan prasekolah sebagai satu komponen dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan penumpuan terhadap usaha membudayakan pendidikan sains dan teknologi yang selaras dengan program pembangunan perindustrian yang pesat di negara ini yang memerlukan tenaga manusia berpendidikan, mahir dan boleh dilatih secukupnya, pendidikan akan dipertingkatkan di sekolah menengah teknik dan politeknik. Rang undang-undang ini akan memudahkan sekolah vokasional ditukar taraf ke sekolah teknik manakala politeknik boleh mengadakan program kerjasama dengan mana-mana institusi, perbadanan atau organisasi perindustrian untuk mengendalikan kursus teknik atau vokasional atau program latihan termasuk program pertukaran.

Untuk mempertingkatkan dan memperluaskan pendidikan teknik, politeknik juga boleh mengadakan program berkembar bagi kursus peringkat diploma dan ijazah dengan institusi pendidikan tinggi sama ada dalam ataupun luar negeri. Peruntukan ini akan membolehkan plan tindakan pendidikan teknikal yang telah digubal oleh Kementerian Pendidikan dilaksanakan, bukan sahaja bagi memenuhi keperluan tenaga teknikal yang semakin meruncing tetapi juga untuk memastikan Malaysia berada di barisan hadapan dalam penguasaan teknologi.

Pendidikan swasta menjadi pelengkap kepada pendidikan yang disediakan oleh sektor awam dan peranannya akan menjadi semakin penting. Walau bagaimanapun, perkembangannya mesti dikawal supaya tidak bercanggah dengan aspirasi negara dan juga kepentingan pengguna. Oleh itu, Fasal 73 rang undang-undang ini memerlukan semua institusi pendidikan swasta mematuhi peruntukan rang undang-undang ini dan semua peraturan yang di bawahnya. Fasal 74 hingga 78 dalam Bahagian VII mengadakan peruntukan pelbagai aspek tentang pengawasan, pengawal seliaan atau pengawalan taraf pendidikan institusi-institusi swasta.

Menyedari bahawa Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum dan berdasarkan pemuafakatan politik yang telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin negara dahulu, rang undang-undang ini telah digubal dengan mengambil kira kepentingan dan sensitiviti semua kaum di negara ini. Oleh itu, Fasal 151 mengekalkan *status quo* sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Fasal 151 juga mengekalkan *status quo* 60 buah sekolah menengah Cina swasta sama seperti yang terdapat dalam Akta Pelajaran 1961.

Bagi sebilangan daripada sekolah ini yang kini didaftarkan dari setahun ke setahun, tindakan untuk mengemas kinikan pendaftarannya secara tetap sedang dijalankan. Unified examinations yang diambil oleh murid-murid sekolah menengah Cina swasta juga dikekalkan *status quonya* mengikut Fasal 151 iaitu sama seperti yang terdapat dalam Akta Pelajaran 1961. Sehubungan ini, perlu saya

maklumkan bahawa pengajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil akan diperluaskan ke sekolah kebangsaan untuk membolehkan lebih ramai murid mempelajari kedua bahasa ini. Dalam pada itu, suka juga saya maklumkan bahawa pada hari ini bahasa Cina dan bahasa Tamil tidak lagi diajar di luar jadual waktu tetapi dimasukkan dalam jadual waktu biasa.

Semua lembaga pengelola bagi sekolah swasta, sekolah bantuan kerajaan dan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil kerajaan dikekalkan di bawah rang undang-undang ini. Ini bermakna, lembaga sekolah-sekolah seperti sekolah menengah Cina swasta, sekolah mission dan sekolah conforming akan dikekalkan dan tidak terjejas di bawah rang undang-undang ini. Selain daripada itu, rang undang-undang ini memperuntukan pengajaran bahasa suku kaum di negara ini seperti bahasa Iban dan bahasa Kadazan, sekiranya didapati munasabah dan praktikal diadakan seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 2. Kelas-kelas agama seperti Bible classes tidak diperlukan mendaftar di bawah rang undang-undang ini.

Selain dari itu kelas-kelas rekreasi seperti kelas gubahan bunga, kelas ballet, kelas muzik, kelas memandu, kelas solek-menyolek bahkan kelas memasak akan dikecualikan daripada pendaftaran di bawah rang undang-undang ini. Ini membuktikan dengan jelas bahawa kerajaan Barisan Nasional memang bersikap liberal, adil dan peka terhadap kepentingan kaum-kaum yang terdapat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh pendidikan rendah yang ada sekarang adalah

6 tahun bagi kanak-kanak yang berumur antara 6 hingga 11 tahun. Adalah menjadi kebiasaan bahawa dalam tiap-tiap kumpulan kanak-kanak, terdapat segolongan yang tertinggal dalam pelajaran mereka, di samping itu terdapat juga segolongan kanak-kanak yang amat pintar yang dapat menguasai kurikulum sekolah rendah dalam tempoh yang lebih singkat.

Fasal 29 memberi kelonggaran kepada tempoh pendidikan rendah dan bukan kepada usia antara 5 hingga 7 tahun lamanya. Keanjalan tempoh belajarnya ini memungkinkan kanak-kanak yang amat pintar menamatkan pendidikan rendah dalam tempoh lima tahun dan kanak-kanak yang lembab dan bermasalah dalam tempoh 7 tahun. Walau bagaimanapun, umumnya tempoh pendidikan rendah adalah 6 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 30 hingga 32 adalah berkaitan dengan pendidikan menengah yang boleh diadakan di sekolah kebangsaan yang berikut:

- (a) sekolah menengah akademik;
- (b) sekolah menengah teknik; dan
- (c) lain-lain sekolah menengah yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

Pendidikan selepas menengah pula diadakan di sekolah menengah kebangsaan akademik dan teknik tetapi pendidikan peringkat ini tidak diperuntukkan di dalam undang-undang sekarang. Oleh itu, Fasal 33 memperuntukkannya secara spesifik dengan memberi Menteri kuasa untuk

menyediakan kemudahan pendidikan selepas menengah di sekolah menengah akademik, sekolah menengah teknik, kolej-kolej dan lain-lain sekolah menengah atau institusi pendidikan yang sesuai.

Pendidikan tinggi memainkan peranan penting untuk memenuhi keperluan tenaga profesional negara, di samping menyediakan kemudahan untuk penyelidikan dan perkhidmatan perundingan. Institusi-institusi pendidikan tinggi menyediakan kemudahan untuk melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat yang tertinggi dan menyumbang kepada pengembangan ilmu.

Fasal 15, menjadikan pendidikan tinggi sebagai sebahagian daripada Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Fasal 70, memperuntukkan menteri sebagai bertanggungjawab bagi arahan am tentang pendidikan tinggi.

Fasal 71, menetapkan bahawa penubuhan sesuatu institusi pendidikan tinggi hendaklah mengikut mana-mana undang-undang bertulis tentang pendidikan tinggi.

Fasal 72, menjadikannya satu kesalahan jika seseorang melanggar peraturan ini.

Pendidikan khas bermaksud pendidikan yang disediakan untuk memenuhi keperluan pendidikan khas murid-murid sesuai dengan perkembangan semasa berhubung dengan pendidikan khas dan untuk membolehkan Kementerian Pendidikan memperluas dan memperkembangkan program ini dalam Sistem

Pendidikan Kebangsaan, maka Fasal-fasal 40 dan 41 telah diperuntukkan. Ini adalah selaras dengan konsep masyarakat penyayang yang digalakkan dan diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sekarang.

Memandangkan penting dan bertambah meluasnya skop pendidikan guru dalam sistem pendidikan sekarang, Bahagian IV, Bab 9 Rang Undang-undang ini memperuntukkan pendidikan guru secara khusus.

Sistem Pendidikan Kebangsaan telah banyak mengalami perubahan dan program pendidikan guru perlu disesuaikan dengan perubahan ini. Oleh itu, selain daripada kursus asas perguruan, Kementerian Pendidikan juga mengendalikan kursus-kursus peringkat yang lebih tinggi seperti diploma dan ijazah. Ini bertujuan untuk memenuhi keperluan kepakaran dalam bidang-bidang tertentu seperti bimbingan dan kaunseling, psikologi pendidikan dan pengajaran pemulihan.

Kursus-kursus di peringkat ijazah dan ijazah lanjutan juga perlu diadakan bagi memenuhi keperluan tenaga pengajar di maktab-maktab perguruan. Langkah ini adalah selari dengan usaha kepada untuk mempertingkatkan citra atau imej profesion perguruan di samping menambah peluang latihan.

Oleh itu, Fasal 47 memberi kuasa kepada menteri untuk mengadakan program pendidikan guru bukan sahaja di peringkat sijil, tetapi juga di peringkat diploma dan ijazah melalui program kerjasama dengan institusi-institusi pendidikan tinggi ataupun universiti dari dalam atau luar negeri.

Fasal 136 dan 138 memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pendaftar atau

lain-lain pegawai awam bagi menjalankan penyiasatan dan pendakwaan di bawah rang undang-undang ini. Sementara Fasal 139 pula, memberi Ketua Pendaftar kuasa untuk mengkompaun apa-apa kesalahan dilakukan oleh mana-mana orang bagi kes-kes tertentu. Di samping kuasa untuk mendakwa, Ketua Pendaftar juga mempunyai kuasa untuk menutup dengan serta-merta mana-mna institusi-institusi pendidikan yang menjalankan aktiviti pendidikan tanpa berdaftar. Ini diperuntukkan dalam Fasal 102 Rang Undang-undang ini telah diperuntukkan hukuman yang lebih berat bagi kesalahan berkaitan dengan pendaftaran institusi pendidikan, pengelola, guru dan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri pembentangan ini, perlu saya nyatakan bahawa hingga ke masa ini, dan sejauh mana yang kita alami, negara telah mencapai kejayaan yang amat membanggakan hasil daripada pelaksanaan Sistem Pendidikan Kebangsaan. Kejayaan ini tercapai melalui semangat pemaufakatan yang kita amalkan. Kita yakin bahawa dengan penerimaan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 kelak dalam Dewan yang mulia ini, kerajaan mampu untuk membina masyarakat Malaysia yang berilmu dan berpentetahuan sebagai modal intelek bangsa yang berketerampilan tinggi dalam teknologi dan komputer, petah dalam pelbagai bahasa, bijak berhubung serta senantiasa berbudaya cemerlang berasaskan budi yang mulia.

Dengan itu, menjelang abad ke-21, kita seharusnya mampu melakukan lonjakan berganda untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan

pendidikan dikenali di arena antarabangsa sebagai sebuah negara maju yang disegani, bermaruah dan dihormati. Untuk menjadikan agenda nasional kita yang besar ini sesuatu hakikat, saya mengajak semua supaya menyokong dan mendukung hasrat dan cita-cita murni ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Ding Seling: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendidikan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua dan terbuka untuk dibahaskan sekarang. Datuk Ibrahim Ali.

5.06 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan setinggi ucapan tahniah saya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan Dato' Seri Najib Tun Razak dan juga kepada Timbalannya yang baru sahaja membentangkan Rang Undang-undang Pendidikan yang ada di hadapan kita untuk perbahasan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pendidikan ini sudah pun dibahas dengan begitu melebar sekali sejak ianya dibawa ke Dewan Rakyat baru-

baru ini dan sudah pun diluluskan. Saya bukan sahaja gembira, malah berasa bangga di atas Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan antarabangsa.

Sememangnya sudah tepat sekali Rang Undang-undang Pendidikan ini dibentangkan dengan matlamat yang telah pun jelas dihuraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan sebentar tadi. Malah pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, kita merasa bangga kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad merupakan satu-satunya pemimpin dunia yang terulung bercakap mengenai Internet pada pagi ini. Ini memang melambangkan suatu kemajuan, suatu kecemerlangan yang dicapai oleh negara kita, yang berpaksikan kepada kecemerlangan ilmu itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa kuatnya sesuatu bangsa, tingginya martabat sesebuah masyarakat ataupun kuatnya sesebuah negara bergantung dan berpaksikan kepada kehebatan keilmuannya itu sendiri. Rang Undang-undang Pendidikan ini yang telah mengambil masa begitu lama untuk dikemukakan bagi menggantikan Akta Pelajaran 1961.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat beberapa tahun kebelakangan sebelum ini apabila disentuh sahaja Akta Pelajaran 1961, ianya begitu sensitif sekali dan menjadi isu politik yang paling utama di negara kita. Malah, sesudah Rang Undang-undang Pendidikan ini dibentangkan baru-baru ini di Dewan Rakyat dan hari ini di Dewan Negara, walaupun kita lihat ada angin boleh

menggoyangkan sedikit pokok, tetapi nampaknya ianya tidak sedikit menjejaskan batang tubuh pokok itu sendiri.

Kita sedar, ada pihak-pihak tertentu cuba ‘menangguk di air yang keruh’ oleh kerana bankrupnya politik sesudah pilihanraya umum baru-baru ini, dengan cuba menimbulkan isu Akta Pendidikan menjadi salah satu modal politik yang terbaru, terutamanya bagi Parti PAS dan juga Semangat 46.

Saya tidak bercadang untuk membahas, Tuan Yang di-Pertua, perkara Rang Undang-undang secara satu persatu. Tetapi cukup apabila saya membuat keratan-keratan akhbar, saya selau juga prihatin apabila timbul isu-isu yang membabitkan kepentingan negara, saya sentiasa buat keratan akhbar, termasuk akhbar Harakah, Roket dan akhbar-akhbar harian dan saya meneliti setiap perkara yang dipercakapkan, yang diperkatakan oleh pemimpin-pemimpin parti pembangkang. Malah saya juga turut membaca Hansard Dewan Rakyat, iaitu ucapan daripada Ketua Pembangkang dan juga daripada Ketua Semangat 46 bersabit dengan Rang Undang-undang Pendidikan ini.

Antara lain empat perkara yang dibangkitkan:

Pertama, ialah menimbulkan masalah Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi kebangsaan yang sudah pun termaktub dalam Fasal 152 Perlembagaan Negara yang tidak boleh disentuh oleh mana-mana pihak dan Bahasa Malaysia sudah terjamin sebagai Bahasa Kebangsaan yang didaulatkan di negara kita.

Manakala perkara yang kedua, yang dibangkitkan ialah kuasa menteri yang

dikatakan begitu luas dan ini dibangkitkan oleh Ketua S.46 iaitu Ahli Parlimen Gua Musang, saya mendapat faham yang katanya dengan kuasa menteri yang diberi ini iaitu boleh membahayakan kepentingan orang-orang Melayu, sebab kata Ketua S.46: “Tidak semestinya orang Melayu akan terus menjadi Menteri Pendidikan”.

Tuan Yang di-Pertua, dalam lain-lain perkataan, Ketua S.46 Ahli Parlimen Gua Musang yang saya baca dalam ucapannya, cuba menjuruskan isu Akta Pendidikan ini ke arah perkauman, dengan harapan semoga dengan isu yang dibawa ini boleh meraih sedikit keuntungan, sokongan orang-orang Melayu kepada S.46 yang sudah pun hampir pupus sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga, yang dibangkitkan ialah oleh pihak parti PAS iaitu antara lain bersabit dengan kewujudan sekolah-sekolah swasta yang kononnya juga boleh menjejaskan kepentingan orang-orang Melayu dari segi politik pada masa depan oleh kerana persaingan dan jurang perbezaan di antara pelajar-pelajar bumiputera dan bukan bumiputera begitu ketara sekali, walaupun kita sudah tamat tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Dan perkara yang keempat, ini yang dicanangkan oleh PAS sehingga PAS mengadakan suatu perhimpunan di Taman Melewar baru-baru ini dan mewujudkan satu jawatankuasa Barisan Bertindak Rakyat untuk menentang Akta Pendidikan ini dan kemudian mengedarkan risalah di seluruh negara mengarahkan penyokong-penyokongnya sembahyang hajat dan mengadakan sembahyang munajat dan

macam-macam lagi tindakan kononnya akan mengadakan road-show di seluruh negara bagi tujuan menentang Akta Pendidikan ini yang antara lainnya isunya yang mereka timbulkan ialah kononnya Akta Pendidikan ini akan menyekat perkembangan dakwah, menyekat penubuhan sistem pendidikan pondok dan juga mengenai dengan diwajibkan pendaftaran sekolah-sekolah tadika yang saya tahu mereka cukup takut mengenai dengan tadika yang dianjurkan oleh PAS iaitu Pasti.

Ini semua yang dibangkit melalui akta tetapi sedikit pun tidak mereka menyentuh soal-soal kebaikan dan kehebatan yang wujud dalam Akta Pendidikan itu sendiri untuk menjadikan negara kita sebagai pusat kecemerlangan pendidikan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat, sepanjang kita mencapai kemerdekaan sejak tahun 1957, isu yang paling sensitif selalunya dalam masyarakat kita di Malaysia yang majmuk ini ialah pendidikan, kerana peluang-peluang pendidikan untuk setiap rakyat begitu terhad, manakala perbelanjaannya begitu tinggi. Pada masa yang sama kita mahu negara kita membangun dengan secepat mungkin sebagai suatu proses untuk membasmi kemiskinan dan meningkat taraf hidup sosio ekonomi rakyat.

Maka oleh itu, peluang pendidikan sentiasa menjadi isu sehingga suatu ketika dahulu, kita ingat, Tuan Yang di-Pertua, selepas tragedi 13 Mei, wujudlah Universiti Kebangsaan yang menjadi lambang dan kebanggaan bagi orang-orang Melayu dan bumiputera dan juga wujudlah Institut Teknologi MARA tetapi pada

masa yang sama wujud juga Kolej Tuanku Abdul Rahman yang dipelopori oleh parti MCA, kerabat Barisan Nasional. Tetapi semua ini telah menjadi lembaran sejarah dan kita lihat hasilnya memberi faedah yang besar kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat tidak sedikit anak-anak bangsa Malaysia mendapat peluang pendidikan yang secukupnya kerana bayaran untuk mendapat pendidikan di luar negara termasuk di Eropah yang paling popular di United Kingdom di Amerika Syarikat, di Australia makin sehari makin meningkat. Malah kerajaan sendiri walaupun begitu banyak memberi pembiayaan kemudahan pinjaman pelajaran kepada bumiputera melalui MARA seumpamanya, jauh daripada mencukupi. Bagaimana pula rakyat lain yang tidak bumiputera. Sudah barang tentu ianya menjadi isu. Pendek kata, soal pendidikan seperti ‘api di dalam sekam’, jika salah buat, salah bertindak ianya boleh membawa huru-hara dan kekecuaan dalam negara kita.

Maka sebab itu, begitu lama pihak kerajaan mengambil masa untuk meminda Akta Pelajaran 1961, hari ini kita telah mansuh dengan menggantikan Rang Undang-undang Pendidikan, sebab itu saya cukup bangga dan menyatakan setinggi penghargaan kepada Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak yang walaupun usianya begitu muda, diberi kepercayaan menjadi Menteri Pendidikan yang kita lihat pendek kata sudah lulus sebagai seorang pemimpin yang berwibawa bersama dengan timbalan-timbalannya dan seluruh kakitangan di Kementerian Pendidikan.

Sebab ianya tidak mudah, silap-silap haribulan, Tuan Yang di-Pertua, ia boleh menjejaskan kedudukan seorang Menteri Pendidikan, kalau ianya tidak berani dan tidak menunjukkan kewibawaan untuk menangani isu pendidikan ini tetapi hari ini kita lihat, walaupun sedikit ada angin bergoyang tetapi saya kata tadi, pokok sedikit pun tidak bergerak. Dalam erti kata, apabila kita tengok perdebatan ini berlangsung dan isu-isu ini ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu maka ianya mula semakin sehari semakin tidak mendapat sambutan dikecuali parti PAS.

Saya hendak nasihat kepada parti PAS dan juga S.46, carilah isu-isu lain. Isu ini ada kena mengena dengan kepentingan kemajuan bangsa dan kemajuan negara untuk masa depan. Tak usahlah bermain dengan api. Jangan cuba hendak menjuruskan isu-isu yang berbangkit dalam Rang Undang-undang Pendidikan ini ke arah isu-isu yang boleh menjadikan perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pendidikan ini memberi jaminan kepada semua kaum mendapat pendidikan di negara kita ini. Mengenai dengan Fasal 151 mengekalkan *status quo* sekolah jenis kebangsaan Cina tidak menjadi masalah. Pendek kata, segala-galanya cantik, perfect, yang penting yang kita lihat ialah kepentingan masa depan untuk negara kita mencapai kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat isu yang saya sebutkan tadi, pertamanya Bahasa Malaysia yang diheboh-hebuhkan selama ini. Saya cukup bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kita mesti

menguasai bahasa-bahasa lain selain daripada bahasa Melayu, Bahasa Malaysia kita untuk kita menguasai ilmu dan menjadi bangsa yang kuat. Kepetahan kita bercakap dalam bahasa lain terutamanya bahasa Inggeris sedikit pun tidak akan mengurangkan semangat nasionalisme kita ataupun semangat patriotisme kita terhadap negara kita. Apa gunanya kita pandai, maknanya menguasai satu bahasa ataupun kita bangga semata-mata dengan bahasa ibunda kita tetapi kalau ilmu bangsa kita ketinggalan kebelakang.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah mengalami beberapa pengalaman di persidangan-persidangan antarabangsa, contohnya, ada di kalangan kakitangan pegawai-pegawai kerajaan kita termasuk kita sendiri sebagai anggota Parlimen bila menghadiri persidangan antarabangsa yang sentiasa mengguna medium ataupun bahasa Inggeris sebagai bahasa persidangan, kita lihat begitu sukar sekali di kalangan kita menguasai bahasa Inggeris untuk berdebat dengan pemimpin-pemimpin negara maju.

Dan paling mudah dari segi logiknya, kata Perdana Menteri, malah kita hendak menterjemah buku-buku dalam bahasa lain ke bahasa Melayu, orang yang hendak menterjemahkan buku itu juga mesti belajar bahasa Inggeris, tanpa dia mengetahui bahasa Inggeris tak mungkin boleh dia menterjemahkan buku-buku dalam bahasa Inggeris ke bahasa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, maka sebab itu, penjelasan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, oleh Perdana Menteri, oleh Timbalan

Perdana Menteri, sudah cukup meyakinkan kita bahawa Bahasa Malaysia dalam konteks sebagai bahasa rasmi kebangsaan dalam pembentangan Rang Undang-undang Pendidikan seharusnya tidak menjadi isu politik oleh parti-parti pembangkang.

Saya percaya, sepatutnya mereka ini merasa malu kepada diri sendiri, hanya menimbulkan isu-isu yang bukan menjadi isu. Kedudukan Bahasa Malaysia memang tidak boleh disentuh dan tidak boleh diganggu gugat. Semangat kebangsaan kita, semangat patriotisme kita memang tidak sedikit pun luntur, tidak sedikit pun tergugat, malah saya cukup yakin kerajaan akan melipatgandakan lagi program-program untuk meningkatkan penggunaan Bahasa Malaysia dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal kuasa menteri yang dibesarkan oleh pemimpin S.46, ini juga bukan menjadi isu sebab kita tahu, negara kita mempunyai sistem di mana segala keputusan dibuat oleh Kabinet secara kolektif. Walaupun menteri berfungsi sebagai seorang sifat menteri mentadbir sesebuah kementerian, saya percaya ianya tidak menjadi isu.

Malah kita lihat kuasa-kuasa menteri diberi begitu banyak kepada menteri-menteri di lain-lain kementerian, juga tidak menjadi masalah, hanya menjadi kebimbangan takut orang bukan Melayu atau pun bukan bumiputera menjadi Menteri Pendidikan sebagai isu politik. Ini pada saya, saya anggap mimpi di siang hari yang seolah-olah betul-betul sudah bankrap politik, tidak ada isu dan

bahayanya pula isu ini ialah seolah-olah menjurus kepada semangat perkauman yang di bawa oleh Ahli Parlimen Gua Musang.

Manakala soal sekolah-sekolah swasta, ini adalah soal peluang pendidikan. Kalau tidak wujudkan seumpama ini, bagi mereka yang berada terus menghantar anak-anak ke luar negara, tetapi bagi yang tidak berada dan tidak berkesempatan mendapat pinjaman mereka akan dinafikan kemudahan pendidikan. Saya anggarkan, kalau tidak silap saya, tidak kurang daripada 3,000,000, juta setahun wang Malaysia mengalir ke luar negara kerana masalah pembiayaan pendidikan sama ada oleh kerajaan, oleh institusi ataupun oleh ibu bapa sendiri. Apabila kita lihat hari ini negara kita sudah mula menjadi pusat pendidikan antarabangsa, apabila kita membenarkan kerajaan mengizinkan sekolah-sekolah swasta diwujudkan, seperti yang kita lihat pada hari ini tumbuh seperti cendawan dan mutunya dapat dipertahankan dari segi kecemerlangan akademiknya, kita dapati, insya-Allah, saya yakin Malaysia akan menjadi United Kingdom pada suatu hari nanti. United Kingdom sebuah negara barat bukannya besar sangat, tetapi kita lihat setiap pelusuk tanah air United Kingdom ada institusi pengajian tinggi. Sebut sahaja nama kampung, kampung tersebut ada universiti, kampung tersebut ada pusat pengajian tinggi, kampung tersebut ada institusi profesional. Malah industri yang paling besar di United Kingdom ialah di bidang pendidikan.

Hari ini negara kita sudah menjadi model, sudah menjadi contoh kepada negara-negara Islam yang lain, pemimpin-pemimpin luar datang saban hari ke

negara kita. Beberapa hari lagi, saya baca di surat khabar, Perdana Menteri Canada datang, negara-negara Selatan, negara-negara Latin Amerika, negara-negara dunia ketiga, negara-negara Asia - hampir kesemuanya sudah melawat ke negara kita ini dan cuba hendak mempelajari tentang pencapaian negara kita. Saya percaya, kalau kita cepat - saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan, apabila proses ini berlaku, insya-Allah saya percaya pelajar-pelajar daripada negara-negara lain, terutamanya Latin Amerika, Timur Tengah, negara-negara Selatan atau pun dunia ketiga dan negara-negara Islam yang belum lagi maju, saya percaya mereka juga akan menghantar anak-anak mereka belajar di negara kita sepertimana kita pernah menghantar anak-anak kita pergi ke United Kingdom, Amerika, Perancis, Australia atau seumpamanya.

Ini bukan sahaja keuntungan dari segi ekonomi tetapi dalam bidang ilmu itu sendiri dan dari segi pengukuhan bangsa dan negara kita, walaupun kita kecil tetapi kita boleh muncul sehebat dan sekuat negara United Kingdom dalam bidang pendidikan. Bukankah ini satu perkara yang baik? Dan bukankah ini matlamat kita berjuang dalam politik? Untuk apa kita berjuang dalam politik? Adakah untuk kesenangan rakyat, untuk semua kaum? Islam sendiri menjamin kepentingan semua kaum, Islam sendiri menjamin supaya setiap rakyat dapat pendidikan- tanya kepada pemimpin-pemimpin PAS. Apakah dalam sistem Islam kita hendak menafikan kepentingan orang yang bukan Islam? Islam memberi jaminan kepada semua pihak, sebab itu PAS di Kelantan sekarang ini, walaupun

mereka bercakap berdegar-degar membawa bermacam-macam isu, tetapi mereka sendiri mengakui hakikat ini. Sebab itu mereka, walaupun bercakap sebelum pilihan raya mengeluarkan manifesto untuk membuat itu dan ini, dan menegakkan Islam kononnya dan macam-macam lagi, akhirnya sekali mereka terpaksa berkompromi dengan kepentingan orang-orang bukan Islam. Menunjukkan bahawa mereka ini double standard. Tidak perlu kita takut, maka saya juga bangga Kementerian Pendidikan melalui menterinya sudah mengumumkan untuk mewujudkan Tabung Pendidikan bagi tujuan menampung keperluan kewangan bagi pelajar-pelajar yang ingin belajar di sekolah-sekolah swasta yang bertaraf universiti ataupun twin programme yang dibuat oleh sekolah-sekolah ataupun institusi swasta dan sepatutnya tidak menjadi masalah.

Tuan Yang di-Pertua, manakala yang keempat, sekolah tadika akan dilegalisekan melalui Akta Pendidikan ini. Hari ini sekolah-sekolah tadika ataupun prasekolah tumbuh seperti cendawan di kampung-kampung. Tanpa pengawasan yang dimestikan menurut undang-undang negara, kita hendak buat apa pun dalam sesebuah negara, kita mesti ada undang-undang. Hari ini PAS takut mengenai dengan akta ini kerana mereka takut kita akan mengambil alih ataupun Kerajaan Pusat akan mengambil alih ataupun tekan atau akan menindas sekolah tadika yang dibuat oleh PAS iaitu PASTI.

Tuan Yang di-Pertua tahu apa jadi pada PASTI? Ia menjadi gerakan pusat politik - pusat politik semata-mata. Kita bimbang kalau ini tidak dibuat banyak

pihak lagi akan mengambil kesempatan. Saya hendak bertanya kepada pemimpin PAS, apa kata satu hari nanti tadika-tadika dari golongan kumpulan agama lain diwujudkan, tersebar di seluruh negara kita, yang tidak dapat di kawal nanti. Akan wujud tadika-tadika yang dibuat oleh Kumpulan Gerakan Kristian, akan dibuat oleh golongan kumpulan - macam-macam kumpulan, dan kita sebuah negara yang merdeka, setiap rakyat diberi kebebasan dan dijamin oleh Perlembagaan kita. Tetapi ianya dibuat semata-mata hendak mengawal supaya ianya tidak disalahgunakan. Tetapi kita tengok kepada tadika PASTI, apa sudah jadi? Di negeri Kelantan, saya tahu, di kawasan saya sendiri, guru-guru yang mengajar pun kais pagi makan pagi dan dijadikan markas pusat kegiatan parti - ini yang terjadi. Bahayanya pula boleh menyeleweng dari segi akidah. Dahulu kita dengar peristiwa yang berlaku di Batu Pahat. Apakah tidak cukup dengan peristiwa yang berlaku di Memali - satu hari satu ketika dahulu, dan yang terakhir ialah mengenai dengan Arqam dan tidak mustahil di sekolah peringkat tadika ini boleh berlaku penyelewengan yang sama kalau kita tidak kawal.

Apakah salahnya bila kita kawal dari segi undang-undang, untuk kebaikan. Saya percaya jika PAS hendak wujudkan seberapa banyak PASTI pun mereka boleh tubuhkan dengan syarat mengikut peraturan dan dijamin mutu perkhidmatan, jangan sewenang-wenang untuk kepentingan politik semata-mata seperti apa yang berlaku di Kelantan.

Saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri

Pendidikan, sedar atau tidak apa yang berlaku di Yayasan Islam Kelantan? Sekolah-sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan betul-betul dipolitikkan. Guru-guru dipecat kerana kononnya ada puak-puak yang berpihak kepada kerajaan pusat yang tidak menyokong PAS, tidak menyokong Nik Aziz, tidak menyokong Semangat 46 - di pecat. Kalau kita membuat tuduhan, mereka menafikan, boleh pergi sumpah di masjid kalau hendak tahu mereka ini betul-betul pemimpin Islam. Baru-baru ini saya terima aduan, dalam kawasan saya ada 4 orang dipecat, manakala kerajaan pusat, Barisan Nasional, yang dikatakan dan dituduh macam-macam oleh mereka, kita lihat guru-guru - bebas. Di Kelantan, sebahagian besar, baru-baru ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri, penyokong parti PAS, penyokong parti Semangat 46, kita tahu ada guru-guru yang berkempen secara terbuka, memasang bendera di motosikal, bawa kaset dan yang paling ketara ialah guru-guru sekolah menengah, sebab mereka ini menganggap diri mereka keluar universiti, ada ijazah, tiada siapa yang boleh menghalang, ini hak dia dan dia boleh buat apa pun - ini berlaku di Kelantan. Tetapi Kementerian Pendidikan tidak mengambil apa-apa tindakan sebab bagi kita kalau hendak berpolitik, berpolitiklah asal mana tidak mengganggu tugas dan menghalang kewajipan yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Tetapi ini berlaku di Kelantan.

Sebab itu saya minta supaya perkara ini dikaji dengan serius oleh pihak Kementerian Pendidikan. Fungsi dan peranan pejabat pendidikan daerah di

Kelantan, kalau boleh saya minta disusun semula supaya ianya lebih berkesan. Politik - boleh, itu hak rakyat. Dia hendak menyokong siapa pun, boleh, tetapi jangan menggunakan kedudukan, lebih-lebih lagi mempengaruhi kanak-kanak sekolah - juga berpolitik. Sebab sudah ada budak-budak sekolah, bila selesai sekolah, waktu pilihan raya, sebelum pilihan raya, bila diadakan ceramah-ceramah, budak-budak kampung sudah erti berpolitik, lalu sahaja pemimpin Barisan Nasional budak-budak sekolah akan pekik - itu kafir - itu budak-budak sekolah, siapa yang ajar ini, kalau tidak guru-guru yang ajar. Sampaikan budak-budak sekolah sudah pandai berpolitik. Mereka mendabik dada kononnya, kalau kerajaan pusat dan Kementerian Pendidikan berani tukarkan - tukar. Ada yang tepuk dada - kalau hendak tukar- tukar. Cukup punya berani mereka ini. Sebab apa? Sebab sudah ada sekarang ini imbuhan, kalau berlaku pertukaran, kerajaan mesti bayar dia punya tambang dan imbuhan yang tidak sedikit dan kalau tukar ianya membabitkan kos yang banyak.

Saya hendak minta Kementerian Pendidikan kaji semula, balik kepada asal, lebih-lebih lagi di Kelantan. Kalau perlu ditukar untuk kebaikan murid-murid sekolah supaya ianya tidak dijadikan gelanggang politik, tukar dan kalau perlu ditukar balik dasar di mana ada peruntukan bahawa pertukaran itu diberi imbuhan, dimansuhkan imbuhan itu. Sebab mereka ini, saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, kalau sesuatu tidak dilakukan, orang kata seperti tocang naik pucuk.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu Tuan Yang di-Pertua faham atau

tidak, saya tidak mahu ulas. Maksud saya ialah orang-orang seperti ini memang tidak sedar, manakala kita tahu, selepas sahaja tamat maktab pendidikan, keluar universiti, dapat diploma pendidikan, jumpa dengan pemimpin kerajaan, jumpa dengan ketua bahagian, jumpa dengan orang berpengaruh, saudara-saudara yang bekerja dalam Kementerian Pendidikan, hendak mengajar depan rumah, hendak mengajar di kampung, hendak mengajar dalam negeri sendiri, hendak jaga ibu bapa, emak sakit, bapa sakit, jenuh kita buat surat sokongan. Balik-balik sokong parti pembangkang, ini yang geram.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, minta laluan. Sila.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kita pun sendiri faham bahawa ada peraturan yang tidak membenarkan guru-guru berpolitik secara aktif. Daripada ditukarkan, tidakkah Datuk Ibrahim Ali sama-sama mencadangkan supaya guru-guru berkenaan diambil tindakan disiplin dan dihentikan daripada jawatannya?

Tuan Ding Seling: Silakan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya setuju, Tuan Yang di-Pertua. Buatlah apa sahaja asalkan ada tindakan. Tukarkah, tindakan disiplinkah, saya tidak kisah asalkan ada tindakan tetapi sesetengah ini memang tidak sedar diri. Betul-betul tidak sedar diri dan saya haraplah perkara ini diberi perhatian yang serius oleh Kementerian Pendidikan terutamanya Pejabat Pendidikan Negeri Kelantan dan

juga Pejabat Pendidikan Daerah. Kalau perlu disusun semula, disusun semula. Cari puncanya di mana.

Hendak kata soal gaji, tidak ada masalah. Soal melintang, menegak ini adalah sedikit. Bukan sahaja cikgu, jabatan-jabatan lain pun sama juga tetapi tidak adalah kecoh macam cikgu ini. Kecoh sungguh. Sebab itu, saya haraplah sangat-sangat, saya ambil kesempatan waktu membahaskan Rang Undang-undang Pendidikan ini, membangkitkan perkara ini supaya ianya bukanlah menjadi pengajaran semata-mata tetapi perlu diberi keinsafan.

Sekarang ini mereka boleh bertindak sewenang-wenangnya sebab pada mereka tidak ada masalah, cuma yang takutnya guru-guru Yayasan Islam Kelantan. Ini mereka takut sebab pemimpin-pemimpin PAS saban hari memanggil guru-guru ini dan memberi ingatan, kewajipan kamu sebelum menjadi guru ialah menyokong PAS.

Itu kewajipan yang pertama - syarat perkhidmatan dalam Yayasan Islam Kelantan. Mesti menyokong PAS, menyokong kerajaan negeri. Hendak sokong, sokonglah. Memang tidak salah berpolitik tetapi itu kumpulan A, manakala bagi yang bukan dalam kumpulan A, itu hak dan kebebasan mereka untuk berpolitik. Sepatutnya mereka ini hendak undi siapa, undilah. Kalau hendak undi kita pun tidak ada masalah. Tidak ada siapa tahu pun. Tetapi janganlah sampai ke sekolah, mempengaruhi murid-murid, berkempen cara terbuka. Ini berlaku.

Saya sudah ada senarai. Kalau kata benda ini tidak benar, saya sudah ada

senarai. Saya pun sudah beri senarai itu kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan - orang-orang macam ini. Saya hendak mintalah, kalau ada pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan yang ada dalam Dewan Negara ini, yang duduk di belakang-belakang ini, tolonglah dengar. Saya tidak hendak keriau banyak-banyak.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Datuk Ibrahim, panjang lagi atau tidak?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Memanglah masa kita tidak banyak, esok tinggal sehari lagi dan rakan-rakan lain pun hendak bercakap. Cuma yang akhirlah, Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak ikutkan memang panjang saya hendak bercakap. Kalau ikut ini macam-macam saya tulis ini.

Tuan Ding Seling: Nanti kita beri peluang lagi.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Baru 20% sahaja. Baru mukadimah sahaja.

[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak bangkitkan di sini, ini untuk penjelasan yang saya hendak dapat dari Yang Berhormat Timbalan Menteri bersabit dengan keputusan untuk memansuhkan atau menukar sekolah menengah vokasional menjadi sekolah teknik.

Walaupun saya sedar akan tujuan dan matlamatnya, saya hendak tahu apakah keputusan ini dibuat dengan membuat kajian yang benar-benar teliti. Kita

tidak banyak sekolah-sekolah vokasional. Sekolah vokasional ini dahulu diwujudkan untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar lepasan LCE, sekarang ini PMR yang betul-betul mendapat kelulusan yang rendah, tidak ada tempat hendak pergi, kita masukkan ke sekolah vokasional.

Itulah sebabnya sekolah vokasional itu diadakan. Guna untuk apa? Untuk melahirkan pekerja-pekerja teknik di peringkat bawah dan sesudah ianya diwujudkan, kita lihat hasilnya begitu membanggakan dan kita tidak ada skill workers, tenaga pekerja teknikal yang banyak sebab itu sekarang ini kita bawa dari luar, daripada negara luar kerana tidak cukup dengan perkembangan industri dan sebagainya, dengan kilang-kilang sekarang ini tidak cukup.

Sebab konsep sekolah menengah teknik ini berbeza dengan sekolah menengah vokasional. Lain. Kefahaman saya lain, berbeza dengan sekolah teknik. Jadi, saya bimbang, sebab kita sudah belanja banyak untuk mewujudkan sekolah vokasional. Guru-guru dihantar ke luar negeri, balik dan akhir sekali saya difahamkan, guru-guru ini akan dimasukkan ke sekolah-sekolah menengah sains untuk mata pelajaran kemahiran. Dengan kita belanja, mungkin sudah banyak untuk tujuan sekolah vokasional tadi.

Saya kira, kalau kita hendak adakan banyak lagi sekolah maktab teknik, kita boleh banyakkannya lagi, tambahkan lagi ataupun sekolah menengah sains ditukar menjadi sekolah menengah teknik dengan tidak menyentuh kedudukan sekolah vokasional sebab saya tengok sekolah vokasional ini penting dalam proses

pembangunan negara kita hari ini sebab kita tidak ada tenaga pekerja mahir.

Maka sebab itu saya lihat, salah satu kalau hendak bercakap soal MARA, the success story of MARA ialah mengenai dengan pusat giat. Pusat Giat MARA walaupun kursusnya lima, enam bulan, sampai ke enam bulan, dengan sijil demikian, mereka boleh menjadi usahawan. Buka workshop, buka electrical shop, macam-macam. Kita lihat cukup berjaya dan mereka hari ini menjadi rebutan kilang-kilang dan industri-industri besar dan di sekolah vokasional inilah tempat syarikat-syarikat industri besar mencari tenaga pekerja mahir.

Jadi, kalau tidak, bagaimana dengan pelajar-pelajar yang tidak dapat kelulusan yang baik di peringkat PMR nanti, di mana mereka akan pergi nanti? Jadi, ini saya hendak minta supaya diberi penjelasan sebab perkara ini menjadi perbualan juga di kalangan masyarakat dan menjadi rungutan ramai dan banyak pihak supaya perkara ini diminta saya bawa ke Dewan Negara untuk bertanya kalau ianya kita dengar jawapan nanti meyakinkan kita, kita akan beri sokongan. Cuma tinggal lagi, perkara ini saya kira perlu supaya segala wang yang dibelanjakan untuk sekolah vokasional ini tidak sedikit. Bengkel-bengkel banyak. Di mana hendak diletak bengkel-bengkel nanti, alat-alat di sekolah vokasional ini nanti?

Sebab bila naik ke maktab teknik, amalinya berbeza dengan sekolah vokasional. Tidak banyak akan digunakan bengkel-bengkel ini. Mesin-mesin ini, operator-operator ini, yang banyak di sekolah-sekolah vokasional di mana hendak

disimpan? Kalau tidak mahu, boleh beri kepada Yayasan Pasir Mas. Saya hendak buka sekolah. Saya boleh buat Sekolah Vokasional Yayasan Pasir Mas. Alat-alatnya dari sekolah vokasional. Percuma. Boleh.

Saya hendak tahu sebab saya juga fikir kalaulah kerajaan meluluskan juga, saya berharap guru-guru sekolah vokasional yang sudah lama dan berpengalaman dan sudah pergi ke luar negeri, selain dari diserapkan ke sekolah menengah tetapi mereka harus ditempatkan di tempat yang lebih wajar daripada tempat yang dicadangkan di sekolah-sekolah menengah sains yang dimaksudkan apabila sekolah ini dimansuhkan ataupun ditukar daripada sekolah vokasional ke sekolah menengah teknik.

Tuan Yang di-Pertua, buat akhir.....Akhir ini....

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Datuk, Tuan Hanipah minta laluan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Kita sudah dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi, yang mana alat-alat sekolah vokasional kalau tidak wujud lagi sekolah ini boleh dihantar kepada Yayasan Pasir Mas untuk ambilpakai di situ. Bagaimana pula dengan guru? Adakah Yayasan Pasir Mas juga sanggup menerima guru-guru daripada sekolah vokasional bila tidak lagi diperlukan perkhidmatan mereka di sekolah-sekolah vokasional?

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Datuk, tolong singkatkan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya kalau hendak beri, bukan sahaja guru,

dengan bangunan sekali pun kita hendak. Kalau hendak berilah. *[Ketawa]* Tetapi tadi saya hanya orang kata, bangkitkan dalam keadaan yang berseloroh, tandatangan kita di kalangan Ahli-ahli Dewan Negara, tetapi serius. Kalau hendak beri, memang saya ucapkan terima kasih.

Buat akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengulangi sokongan saya yang tidak berbelah bahagi dan saya cukup bangga dengan Rang Undang-undang Pendidikan ini dan jika ada mana-mana pihak yang cuba hendak mengeksploitasikan isu ini, insya-Allah, sebagai anggota Dewan Negara, sebagai orang politik, saya bersedia menawarkan khidmat sukarela untuk bertempur dengan PAS dan Semangat 46. Boleh, kalau mereka hendak jadikan isu ini isu politik, terutamanya di Kelantan, di pedalaman.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, tiga hari baru-baru ini saya pergi ke Larut, Perak, ada ceramah penerangan. Saya jumpa risalah. Risalah ini diedarkan oleh PAS mengarahkan ahli-ahli mereka berbuat sesuatu untuk menentang Akta ini dan diedarkan di madrasah. Saya check di Kelantan pun, sudah ada. Maka, oleh itu saya berharap pemimpin-pemimpin PAS dan Semangat 46 ini jangan cetak sangatlah. Jangan cetak sangat. Banyak lagi isu-isu lain. Banyak lagi perkara-perkara lain.

Hendak sentuh hal ekonomi, tak boleh. Keadaannya baik, ekonominya baik, semuanya segar-segar. Ini hendak sentuh banyak hal pun tak boleh sebab mereka pun sudah pakai Mercedes. Cuba tanya Yang Berhormat Senator Mohd.

Zain, saya dok tunggu orang-orang Kelantan, pemimpin-pemimpin PAS ini naik unta. Jalan kaki atau naik unta, tak ada! Nampak pakai segak-segak semua. Tak ada apa, dia sudah tidak boleh sentuh.

Dahulu sentuh bab-bab gaji, orang naik gaji, dia marah orang naik gaji. Senyap-senyap di Dewan Undangan Negeri Kelantan, dia pun naik gaji juga, senyap-senyap! Cuma depa buat senyap-senyap. Pun naik gaji sama juga. Jadi, sudah tidak ada isu. Tinggal inilah, kalau-kalau boleh hidup, tetapi tidak boleh hidup. Kalau dia harap dia boleh hidup dengan isu ini, tidak boleh hidup.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim, nampaknya ada response. *[Ketawa]* Silakan.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi, apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat, memang tidak betul. Di sini, saya ingin penjelasan, dahulu semasa Yang Berhormat di dalam Semangat 46 sebagai Ketua Pergerakan Pemuda, pakai Mercedes buruk, tetapi dalam Barisan Nasional sekarang ini, pakai Mercedes baru. Betul atau tidak? *[Ketawa]*

Tuan Ding Seling: Sila Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Sebab itu, memang saya tidak terperanjat. Pemimpin-pemimpin Semangat 46, mereka selalu ketinggalan zaman. Fakta tidak betul. Mercedes yang saya pakai itu Mercedes baru dari dahulu lagi. Yang baru yang dahulu lagi, sewaktu saya dalam Semangat 46 lagi. Sama dengan Yang

Berhormat Senator Mohd. Zain, tetapi dahululah. Tetapi sekarang, lain, sebab saya ini macam yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Rang Undang-undang ini ada konsep lompat ini, naik kelas daripada Darjah 3 ke Darjah 5. *[Ketawa]* Betul tak? Darjah 3 ke Darjah 5.

Jadi, orang-orang yang pandai-pandai, akan lompat daripada Darjah 3 ke Darjah 5, macam sayalah! *[Ketawa]* Yang cerdik-cerdik. Cuma yang tak pandai, yang kurang belajar, kekallah di takuk lama. Dia kekallah di takuk lama. Kita ini yang ada semangat patriotisma ini, ada waktu kita boleh buat silap, kita menyokong seseorang. Tetapi dahulu pun, sewaktu saya di dalam Semangat 46, bukan kata saya menentang Barisan Nasional. Waktu itu kebetulan saya menyokong Tengku Razaleigh. Jadi, tidak boleh pergi lagi, buat apa tunggu lagi?

Saya bukan menentang Barisan Nasional, saya sokong Tengku Razaleigh. Tetapi dasar Barisan Nasional, ini dahulu pun Tengku Razaleigh yang buat. Ahli Parlimen Gua Musang pun sama juga. Sekarang ini, pendidikan tak betul, itu tak betul, ini tak betul, semua tak betul! Betul tak Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain? Padan dengan muka! *[Ketawa]*

Saya cakap betul! Saya dahulu betul kerana saya menyokong secara peribadi, bukan saya menentang Barisan Nasional! Tetapi sudah selesai, selesailah. Takkanlah sampai 20 tahun pun hendak bergaduh lagi? Keadaan sudah bertambah baik, segar. Kalau Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain hendak pakai kereta Mercedes baru, ha, ikut saya! *[Ketawa]* Jangan pula dok merungut. Tetapi,

depa ini pun sihat-sihat, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun tak masuk Barisan Nasional, tetapi sihat-sihat sebab balak-balak di Hulu Kelantan hampir pupus. *[Ketawa]* Balak sudah habis, dengar cerita projek-projek pun kelam-kabut. Sebab itu SEDC Kelantan pun jadi masalah.

Jadi, saya sudah melencong jauh sedikit, saya minta maaf. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, buat akhirnya, saya hendak merumuskan tadi, sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada Menteri Pendidikan yang telah membawa Rang Undang-undang ini dan saya penuh yakin dan kita berdoa negara kita akan menjadi pusat kecemerlangan pendidikan yang terkemuka satu hari nanti dan sekali gus menguatkan bangsa kita dan mendaulatkan negara kita sebagai sebuah negara yang menguasai segala-galanya dalam dunia yang fana ini.

Sekian, saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Tuan Ng See Tiong.

5.46 ptg.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana saya telah diberi peluang dalam perbincangan Rang Undang-undang Pendidikan 1995.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai sebuah negara contoh dan terkemuka di kalangan negara-negara sedang membangun. Kita bercita-cita tinggi untuk melangkah jauh ke hadapan sebagai sebuah negara industri yang maju. Dengan ini, negara kita memerlukan satu sistem pendidikan yang dinamik supaya

rakyat Malaysia boleh memperolehi ilmu dan pendidikan yang sesuai dan Sistem Pendidikan Kebangsaan perlu dimantapkan dan dikembangkan sesuai dengan hasrat dan cita-cita negara terkini untuk menghadapi cabaran.

Saya rasa bangga dan besar hati kerana Kerajaan Barisan Nasional begitu peka tentang kepentingan pendidikan dan telah mengambil langkah yang positif untuk meningkatkan lagi tahap pendidikan yang bertaraf dunia dari segi kualiti untuk rakyat Malaysia seperti yang terkandung dalam Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpendapat bahawa satu Akta Pendidikan yang baru perlu digubal dan telah mengambil masa selama beberapa tahun untuk mengkaji dan menyediakan Rang Undang-undang ini secara terperinci, adil dan saksama. Dalam penggubalan Rang Undang-undang ini, untuk mendapat pandangan berbagai pihak, kerajaan telah mewujudkan Majlis Perundingan Akta Pendidikan untuk berbincang dan berdialog serta menukar fikiran dengan badan-badan dan orang perseorangan yang berkaitan, termasuk parti-parti pembangkang supaya pandangan dan cadangan mereka dapat diambil kira untuk merangka satu Akta yang boleh diterima oleh masyarakat kita.

Tetapi saya berasa amat dukacita dan kecewa kerana parti-parti pembangkang tidak menyertai Majlis Perundingan ini. Oleh kerana parti-parti pembangkang tidak memberi apa-apa sumbangan dan buah fikiran kepada Rang Undang-undang Pendidikan ini dan mereka menolak semangat permuafakatan,

maka apa-apa komen yang buruk daripada mereka adalah seperti mana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan di Dewan Rakyat, ‘rumah siap, pahat berbunyi’.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat kita dan orang ramai memang memandang serius dan penting terhadap soal pendidikan. Masyarakat kaum Cina menunjukkan minat yang sama tentang Akta ini. Pemimpin-pemimpin dari beberapa persatuan dan surat khabar Cina telah mengeluarkan hujah-hujah dan komen terhadap Akta ini. Mereka masih bimbang dan ragu-ragu tentang beberapa isu di dalam Akta ini.

Isu-isu itu, seperti bahasa Cina sebagai bahasa pengantar, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan status Sekolah Persendirian Cina atau Private Independent School dengan sistem peperiksaan dan twinning programmenya. Mereka juga berasa kuasa yang diberikan kepada Menteri adalah terlalu besar dan luas sehingga kebebasan pendidikan akan terjejas. Dengan ini, saya harap pihak kementerian dapat memberi penjelasan yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Akta Pelajaran 1961 digubalkan masyarakat orang Cina berasa bimbang terhadap seksyen 21(2) dan seksyen 26(a). Seksyen 21(2) Akta itu memberikan kuasa kepada menteri untuk menutup sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan seksyen 26(a) memperuntukkan pembubaran Lembaga Pengurus Sekolah oleh menteri. Isu-isu ini telah digunakan sebagai modal politik oleh parti-parti pembangkang seperti DAP untuk mengkritik Kerajaan Barisan

Nasional dan menimbulkan perasaan negatif di kalangan masyarakat orang Cina demi untuk memancing undi daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana kedua-dua seksyen yang saya sebutkan tadi tidak wujud lagi dalam Rang Undang-undang Pendidikan 1995. Sebaliknya dalam seksyen 17 Rang Undang-undang baru ini semua sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil yang ditubuhkan dalam seksyen 28 akan mempunyai identiti lama dan bahasa Cina digunakan sebagai bahasa pengantar utama. Saya menganggap bahawa semua sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil disifatkan sebagai telah berdaftar di bawah Rang Undang-undang ini.

Semasa membentangkan Rang Undang-undang ini Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa seksyen 151 Rang Undang-undang ini telah memberikan cukup perlindungan untuk menghapuskan syak wasangka dari setengah pihak, maka saya mencadangkan seksyen 151 diperjelaskan melalui regulation Rang Undang-undang ini. Seksyen 53 Rang Undang-undang ini juga membolehkan penubuhan Lembaga Pengurus Sekolah untuk semua sekolah rendah jenis kebangsaan Cina.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini lebih kurang 90% daripada ibu bapa masyarakat kaum Cina berhasrat untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah rendah jenis kebangsaan Cina kerana mereka berharap anak mereka boleh mempelajari bahasa Cina sebagai bahasa ibunda dan di samping itu menguasai

Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris. Masyarakat kaum Cina berharap sekolah-sekolah ini dapat dikekalkan dan diserapkan dalam sistem pendidikan Malaysia.

Saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan kerana hasrat dan cita-cita ini telah diberi perhatian dan diambil kira dalam Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, seramai 600,000 orang murid termasuk 25,000 murid Melayu dan 10,000 murid India sedang belajar di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina di seluruh negara. Ini bermakna sekolah rendah jenis kebangsaan Cina telah terdiri daripada murid-murid yang berbilang kaum.

Saya berharap pihak kerajaan patut kerajaan memberi pelbagai bantuan yang diperlukan kepada sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Saya juga mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan kepada masyarakat kaum Cina kerana sudi memberi banyak bantuan dan pertolongan secara sukarela untuk membantu kerajaan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa sekolah rendah jenis kebangsaan Cina masih menghadapi banyak masalah dan saya berharap agar kerajaan dapat meningkatkan lagi usahanya untuk membantu mereka. Masalah-masalah adalah seperti berikut:

(a) Kekurangan guru

Saya difahamkan bahawa kementerian sedang mengalami kekurangan guru di sekolah Cina seramai 2,483 orang dan hanya terdapat 17 buah maktab perguruan yang mengadakan kursus pengajaran bahasa Cina dan sambutan pelajar juga tidak menggalakkan. Jika perkara ini benar, ini merupakan satu masalah yang sangat serius.

Untuk mengatasi masalah ini, saya mencadangkan supaya syarat-syarat pengambilan dilonggarkan. Bagi pemohon-pemohon untuk mengikuti kursus bahasa Cina mereka yang lulus dengan gred biasa dalam mata pelajaran selain daripada bahasa Cina patut juga diterima. Saya berharap kementerian akan mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk mengatasi masalah ini.

(b) Kekurangan sekolah khususnya di taman-taman perumahan baru

Saya mencadangkan Menteri Pendidikan supaya menggunakan seksyen 28 untuk mewujudkan lebih banyak sekolah rendah jenis kebangsaan Cina di kawasan di mana kebanyakan penduduk adalah terdiri daripada kaum Cina. Saya juga menyokong pembinaan sekolah wawasan di taman perumahan yang mempunyai penduduk yang berbilang bangsa.

- (c) Kekurangan peruntukan untuk menyelenggarakan bangunan sekolah dan melengkapkan kemudahan-kemudahan.
- (d) Status sekolah bantuan modal perlu dikaji semula. Sekolah di mana tapak

sekolah ialah tanah Kerajaan Negeri atau sekiranya tuan tanah rela menyerahkan tanah itu kepada kementerian, maka sekolah-sekolah ini harus diterima dan dijadikan sebagai sekolah bantuan penuh.

- (e) Sekolah-sekolah luar bandar dan di estet-estet yang menghadapi kekurangan bilangan murid harus dipindahkan ke satu kawasan lain yang memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira kerana seksyen 53 dan 62(1) dalam Akta baru ini telah memberikan pengakuan kepada peranan dan fungsi Lembaga Pengurus Sekolah. Seksyen ini membenarkan Lembaga Pengurus Sekolah ditubuhkan di semua sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Peruntukan Akta ini adalah bijak dan wajar kerana selama ini Lembaga Pengurus Sekolah telah memainkan peranan yang sangat konstruktif dan telah memberikan banyak sumbangan kepada sekolah. Malangnya struktur Lembaga Pengurus Sekolah tidak digariskan di mana-mana peruntukan dalam Akta ini. Maka saya ingin mencadangkan supaya struktur Lembaga Pengurus Sekolah ini dikekalkan iaitu seramai 15 orang ahli yang terdiri daripada 3 orang wakil Kementerian Pendidikan, 3 orang wakil murid tua, 3 orang wakil ibu bapa, 3 orang wakil penyokong dan 3 orang wakil amanah.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 56, 59 dan 61 di bawah Akta Pendidikan 1995 memberi kuasa untuk melantik pengelola tambahan, membubar Lembaga Pengelola dan melantik ahli yang baru. Saya menyokong seksyen-seksyen ini

sekiranya ia adalah untuk memastikan bahawa Lembaga Pengelola akan menjalankan tugas yang lebih bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, saya berharap kerajaan akan menggunakan kuasa ini dengan teliti dan berpatutan dan mengikut satu peraturan yang lebih spesifik. Seksyen-seksyen ini haruslah digunakan sebagai last resort. Saya juga ingin mencadangkan sekiranya sesuatu Lembaga Pengurus Sekolah dibubarkan kerana melakukan sesuatu kesalahan maka ahli-ahli baru yang dilantik harus mengikut struktur Lembaga Pengurus Sekolah yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah menengah conforming telah memberi banyak sumbangan kepada masyarakat. Sekolah-sekolah ini telah memberi peluang kepada anak-anak dari keluarga miskin mendapat pendidikan kerana yuran adalah rendah. Sekolah-sekolah ini juga menghasilkan beribu-ribu rakyat Malaysia yang fasih dalam bahasa Malaysia, bahasa Cina dan bahasa Inggeris. Kini terdapat lebih kurang sebanyak 120,000 murid yang sedang belajar di sekolah-sekolah ini. Oleh kerana itu saya berharap kerajaan akan terus memberi bantuan dan perlindungan kepada sekolah-sekolah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga perhatikan Akta Pendidikan 1995 mengandungi beberapa peruntukan yang baru dan yang sesuai untuk menyahut cabaran abad baru dan merealisasikan Wawasan 2020. Peruntukan-peruntukan ini adalah seperti berikut:

- (a) Tempoh kursus pendidikan sekolah rendah adalah 5-7 tahun. Ini akan membolehkan murid pintar menamatkan pelajarannya dengan lebih awal.

- (b) Pendidikan prasekolah akan dijadikan sebagai pendidikan formal dan seterusnya akan memberikan lebih banyak peluang untuk anak-anak dari luar bandar untuk menerima pendidikan pra sekolah. Dalam hal ini saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri menjelaskan kedudukan kelas-kelas tadika yang diwujudkan oleh Kemas, Persatuan Rukun Tetangga, Persatuan Belia dan badan-badan lain.

Saya mencadangkan bahawa kelas-kelas tadika yang sedia ada harus dianggapkan sebagai tadika yang telah berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1995.

- (c) Pendidikan teknik dan politeknik untuk membolehkan anak-anak kita memperolehi ilmu dan pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi sesuai dengan kehendak dunia yang berteknologi tinggi.
- (d) Akta ini juga membolehkan penubuhan dan penyenggaraan institusi pendidikan swasta, ini akan membolehkan Malaysia sebagai pusat pendidikan yang cemerlang di rantau ini.
- (e) Akta ini juga mewajibkan pengajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan jika ibu bapa sekurang-kurangnya 15 orang murid di sekolah itu memintanya. Untuk memastikan pengajaran bahasa-bahasa ini dapat

dijalankan dengan licin dan berjaya, kementerian mesti menyediakan cukup guru-guru bahasa untuk tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pendidikan 1995 bertujuan untuk membolehkan rakyat Malaysia menguasai ilmu, kemahiran dan nilai murni untuk menjayakan Wawasan 2020 dan menghasilkan satu sistem pendidikan yang bertaraf dunia selaras dengan aspirasi negara Malaysia. Oleh itu, akta ini mesti dilihat dari segi pembangunan negara secara menyeluruh dan dengan pandangan yang jauh. Pada pendapat saya, Akta Pendidikan 1995 juga telah mengambil kira corak masyarakat yang berbilang bangsa dan bahasa. Jika akta ini dilaksanakan dengan baik dan sempurna, maka ia akan memberi manfaat kepada rakyat dan negara. Harap kementerian mesti sentiasa berwaspada terhadap segala penyelewengan dalam pelaksanaan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini juga terdapat beberapa perkara yang perlu dijelaskan dengan lebih teliti khususnya status sekolah menengah Cina swasta dengan sistem pemeriksaan yang dikendalikan oleh Dong Jiao Zong dan isu-isu yang berhubung kait dengan sekolah menengah conforming. Harap masalah-masalah yang dihadapi ini dapat diselesaikan oleh pihak kementerian mengikut semangat Akta Pendidikan yang sebenar. Walau bagaimanapun, Rang Undang-undang Pendidikan 1995 memang memberi kuasa yang besar dan luas kepada Menteri.

Saya memohon jasa baik Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya

melonggarkan kawalan dan pelaksanaan akta ini untuk mengelakkan segala masalah yang baru dan isu-isu yang sensitif.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

6.14 ptg.

Tuan N. Marimuthu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan baru-baru ini.

Rang undang-undang ini bertujuan memansuhkan Akta Pendidikan 1991 dan mengemukakan satu undang-undang baru tentang pendidikan bagi maksud melaksanakan dasar pendidikan berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan matlamat-matlamat tertentu.

Matlamat-matlamat rang undang-undang ini memperuntukkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dan pendidikan yang disediakan itu adalah komprehensif skop-skopnya dan akan menemui keperluan negara serta memupuk perpaduan negara melalui pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini adalah suatu rang undang-undang yang amat menyeluruh dan dibentangkan setelah menerima pendapat beberapa pihak seperti pendidik, ahli sosial dan politik agar

ianya dapat diterima oleh rakyat jelata setelah membuat kajian hampir lima tahun.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang berani membentangkan rang undang-undang ini yang memansuhkan Akta Pendidikan 1961 yang diilhamkan oleh bapanya Allahyarham Tun Abdul Razak semasa beliau menjadi Menteri Pendidikan pada tahun 60-an.

Akta Pendidikan 1961 perlu diubah kerana perkembangan pendidikan amat pesat dalam dunia yang moden ini dan Akta Pendidikan 1961 tidak lagi sesuai dengan perubahan zaman teknologi yang tinggi sekarang. Oleh yang demikian, saya berharap rang undang-undang ini akan membawa kita ke zaman moden menghadapi cabaran Wawasan 2020 dengan diwujudkan suatu negara yang berpendidikan dan berteknologi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih kepada kerajaan yang terus menjamin pembelajaran bahasa Tamil dan Mandarin di sekolah-sekolah negara ini walaupun Bahasa Malaysia menjadi bahasa pengantar utama di negara ini. Saya yakin percaya pembelajaran bahasa Tamil dan Mandarin akan terus menyatupadu rakyat berbilang kaum di negara ini. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang terus menjamin mewujudkan sekolah-sekolah Tamil dan Cina di negara ini dalam rang undang-undang ini. Perkara ini telah menghapuskan kebimbangan setengah golongan manusia yang berpendapat sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil akan ditukar menjadi sekolah

kebangsaan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya amat kagum dengan keberanian Yang Berhormat Menteri Pendidikan memansuhkan Perkara 21(2) dalam Akta Pendidikan 1961 yang memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri menukar sekolah jenis kebangsaan menjadi sekolah kebangsaan. Ini adalah suatu pengorbanan kuasa yang amat besar.

Pendidikan bahasa Tamil tidak puashati dengan seksyen (d) yang mengatakan kedua-dua bahasa ini hanya akan diajar jika terdapat sekurang-kurang 15 orang murid yang memintanya di sesebuah sekolah. Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua bahasa ini harus diajar jika terdapat 10 orang murid yang berminat di sesebuah sekolah itu. Perkataan "permintaan" harus digugurkan. Sebaliknya jika ada 5 orang belajar bahasa ini patut diajar dan waktunya harus dimuatkan dalam jadual waktu program biasa.

Selain daripada ini, penyeliaan rapi haruslah dijalankan semasa pengajaran bahasa ibunda dijalankan. Pegawai-pegawai yang berkelayakan bahasa ibunda hendaklah dilantik untuk menyelia kelas bahasa ibunda ini. Rang undang-undang ini tidak memperuntukkan jumlah masa yang perlu untuk mengajar bahasa ibunda. Saya mencadangkan bahasa ibunda hendaklah diajar sekurang-kurangnya 2 jam seminggu dalam waktu pengajaran biasa sekolah kebangsaan dan sekolah menengah. Perkara ini hendaklah dimasukkan dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang sama ingin saya sentuh mengenai cadangan penubuhan prasekolah. Mengikut seksyen 21 akta ini, Menteri boleh menyelenggarakan tadika di mana-mana tempat. Saya memohon agar seksyen 21 ini dipinda untuk membolehkan prasekolah atau tadika ditubuhkan di setiap sekolah di negara ini. Prasekolah hendaklah dijadikan sebahagian daripada sekolah rendah dan wujudkan sebagai, dengan izin, preschool annexe.

Pada masa ini, kebanyakan tempat di luar bandar mempunyai prasekolah atau tadika, tetapi malangnya anak-anak yang berasal dari estet tidak dapat menikmati faedahnya. Murid-murid yang berasal dari bandar mempunyai kemudahan prasekolah dan mempunyai advantage dari murid-murid luar bandar. Oleh yang demikian, kerajaan haruslah menubuhkan tadika setiap sekolah di negara ini, terutama sekali di sekolah-sekolah Tamil, baik di bandar mahupun di estet untuk memberi pendidikan seimbang kepada semua murid-murid di semua negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang kategori institut pendidikan yang diwujudkan dalam akta ini di bawah seksyen 16. Akta ini memperuntukkan 3 kategori institut pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan iaitu institusi pendidikan kerajaan, institusi pendidikan bantuan kerajaan, institusi pendidikan swasta. Institusi pendidikan kerajaan akan mendapat bantuan penuh bagi menyelenggarakan bangunan dan lain-lain kemudahan. Tetapi institut pendidikan bantuan kerajaan tidak dapat bantuan penuh dan mengalami kekurangan kemudahan seperti bilik darjah, meja, kerusi, tandas, bilik sumber dan lain-lain lagi.

Dalam negara ini hampir 70% sekolah Tamil adalah dalam kategori ini dan di belakangkan sekolah bantuan modal. Sekolah-sekolah ini terletak di ladang dan dalam keadaan yang uzur dari segi fizikalnya. Oleh kerana keuzuran fizikalnya dan kekurangannya infrastruktur mutu pendidikan sekolah, sekolah Tamil ini

adalah rendah dan ini tidak sihat bagi pembangunan negara. Oleh yang demikian, saya mencadangkan hanya dua jenis atau kategori sekolah sahaja diadakah dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan iaitu institusi pendidikan kerajaan, insituti pendidikan swasta. Institusi pendidikan bantuan kerajaan hendaklah dijadikan institusi pendidikan kerajaan dengan memberi bantuan penuh kepada sekolah ini.

Kerajaan mempunyai tanggungjawab sosial untuk memberi pelajaran yang saksama kepada semua jenis sekolah. Oleh yang demikian, saya menyeru kerajaan hendaklah menukar semua sekolah bantuan modal kepada sekolah bantuan penuh. Jika ini berlaku, sekolah Tamil yang terletak di ladang akan maju dalam pendidikan dan murid-murid akan meningkat prestasi dalam bidang pendidikan. Jika tidak, saya khuatir kebanyakan sekolah Tamil akan mengalami kekurangan murid kerana ibu bapa tidak yakin kepada sistem sekolah Tamil yang menerima bantuan modal, lama kelamaan murid-murid di sekolah-sekolah ini akan kekurangan dan menyebabkan penutupan sekolah-sekolah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu lagi melihat penutupan sekolah Tamil di negara ini. Pada tahun 1990, terdapat 580 sekolah Tamil di negara ini, tetapi pada tahun 1995 hanya terdapat 540 sekolah Tamil sahaja. Ini jelas menunjukkan krisis keyakinan ibu bapa, terdapat sekolah Tamil di negara ini.

Saya berharap dan yakin jika bantuan penuh diberikan kepada sekolah-sekolah ini dari segi infrastruktur dan fizikal, mereka akan menunjukkan prestasi yang tinggi untuk menangani cabaran Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan yang murni ini, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang dibentangkan baru-baru ini. Sekian, sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Tan Swee Hueng.

6.15 ptg.

Tuan Tan Swee Hueng: Terima kasih, atas kesempatan yang diberi untuk saya berbahas.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan Menteri Pendidikan. Seperti yang dimaklumkan Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pendidikan ini mengambil 6 tahun selepas kerjasama yang rapat dan jujur MAPEN. Seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, pandangan-pandangan pihak yang terlibat iaitu pertubuhan-pertubuhan pendidikan, sosial, agama, politik serta individu telah diperolehi melalui memorandum dan cadangan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak MAPEN ditubuhkan pihak pembangkang memilih tidak menyertainya. Saya ingin menunjukkan mereka tidak jujur dan tidak bertanggungjawab atas perjuangan negara. Mereka memilih untuk bermain sentimen orang ramai, untuk kepentingan mereka sendiri, walaupun mereka tahu masalah pendidikan boleh membawa pepecahan negara dan perpaduan kaum. Mereka selalu main politik perkauman, Tuan Yang di-Pertua. Isu-isu berkaitan dengan pendidikan adalah sensitif dan berat dalam perhitungan masyarakat dan

politik negara kita sejak dahulu, tentu sampai bila-bila masa pun ia akan menjadi isu sensitif kalau tiap-tiap pihak seperti pihak-pihak pembangkang tidak memainkan peranan mereka untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh dunia termasuk Malaysia telah mengalami transformasi dalam semua aspek kehidupan. Perkembangan ekonomi dan perdagangan antarabangsa menimbulkan senario yang baru terhadap negara kita. Malaysia mesti mengambil langkah positif, membuat persiapan terhadap cabaran baru dan mencapai taraf negara maju. Perkembangan ini telah menimbulkan keperluan terhadap sistem pendidikan yang akan memainkan peranan yang penting untuk menentukan kita akan mencapai wawasan negara kita. Lagi pun buat masa ini, negara kita berdiri kukuh dari segi pembangunan ekonomi dan keadaan politik begini stabil dan kerjasama di antara kaum atas sikap bertolak ansur negara ini sanggup menerima satu Akta Pendidikan baru yang selalu dikhuatir akan memecah-belahkan negara.

Kerajaan Barisan Nasional sebagai satu kerajaan yang bertanggungjawab telah mengambil berat keadaan semua pihak. Kerajaan telah menimbang dengan teliti sensitiviti semua kaum negara ini. Kerajaan telah mengekalkan kedudukan martabat dan maruah Bahasa Kebangsaan.

Kerajaan juga mengenalkan kepentingan bahasa Inggeris, kerajaan juga terus mengekalkan status quo SRJK (C) dan (T). Kerajaan juga mengekalkan sekolah menengah Cina swasta. Dengan semua ini yang diambil kira kerajaan

harap kita semua menyambut baik atas jaminan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Saya syorkan dalam Dewan yang mulia ini untuk kepentingan negara dan untuk generasi yang akan datang, ketepikan apa-apa perasaan dan kepentingan yang sempit dan sebagai rakyat Malaysia yang taat setia dan mematuhi rukun, beri kepercayaan kepada kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan yang bertindak dengan penuh tanggungjawab dan amanah.

Dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan M.G. Pandithan.

6.21 ptg.

Tuan M.G. Pandithan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini adalah satu dimensi baru dalam sejarah negara kita untuk membentuk bangsa Malaysia yang telah dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang kita kasihi dan sanjung tinggi. Akta Pendidikan ini adalah satu asas untuk mencapai inspirasi dan aspirasi beliau. Saya bagi pihak masyarakat India mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat. Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Menteri Pendidikan kerana menunjukkan kewibawaan untuk memperkenalkan satu sistem pendidikan dengan matlamat-matlamat berikut:

- (i) Memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan

bersepadu.

- (ii) Melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan teguh kepada tuhan.
- (iii) Melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan dan berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Matlamat-matlamat ini dijangka dapat dicapai melalui sistem pendidikan ini supaya bahasa Malaysia menjadi bahasa pengantar utama kurikulum dan peperiksaan yang sama dan pendidikan untuk memupuk perpaduan negara melalui pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita negara majmuk dengan pelbagai kaum, budaya dan agama. Baru-baru ini adalah didedahkan Malaysia mempunyai lebih 100 kaum dan hanya di Sabah sahaja ada 70 kaum. Di dunia ini ada beberapa negara yang hanya mempunyai dua kaum dan tidak boleh hidup dengan aman dan damai kerana tidak ada toleransi, Bosnia dan Sri Lanka menjadi contoh.

Saya berterima kasih kepada pemimpin-pemimpin utama kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri dan juga rakyat

Malaysia kerana mempunyai toleransi, persefahaman, persahabatan dan hubungan erat di antara satu sama lain dan menjadikan Malaysia bumi syurga dalam dunia.

Bahasa Malaysia menjadi tulang belakang kepada perpaduan negara kita dan semua kaum sudah menerima Bahasa Malaysia sebagai bahasa kita. Ini terbukti dengan generasi baru yang begitu fasih dalam penguasaan Bahasa Malaysia. Semua ini adalah hasil dari sistem pendidikan yang kita sedia ada. Sistem pendidikan baru ini, Akta Pendidikan 1995 adalah lebih lengkap, lebih kemas, lebih objektif dan menemui tuntutan aspirasi Wawasan 2020 dan akan transform, dengan izin, rakyat Malaysia sebagai bangsa Malaysia. Akta Pendidikan 1990 mempunyai falsafah kuat mempertahankan serta mengangkat maruah dan martabat Bahasa Malaysia lebih tinggi. Pertama kalinya Bahasa Malaysia dijadikan mata pelajaran wajib di semua sekolah termasuk sekolah-sekolah swasta. Semua ini sudah pasti akan mempertingkatkan kedaulatan Bahasa Malaysia dan pelbagai dakwaan dan tuduhan adalah gimik politik diheboh-hebohkan oleh parti-parti pembangkang.

Akta Pendidikan baru ini akan menyelaras kurikulum semua jenis dan kategori sekolah di bawah kurikulum kebangsaan wajib. Kurikulum ini akan digunakan oleh semua sekolah termasuk sekolah swasta bagi mencapai matlamat perpaduan negara. Semua tadika termasuk tadika swasta diwajibkan mendaftar dan diwajib menggunakan garis panduan kurikulum yang ditetapkan Kementerian Pendidikan. Tiada tadika boleh ditubuhkan, dikendalikan atau diuruskan

melainkan jika tadika itu didaftarkan di bawah akta ini. Seorang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Sistem pendidikan prasekolah ini akan memberi peluang dan kuasa kepada kerajaan untuk mengawal dan mengawasi semua tadika di seluruh negara dan akan memupuk proses integrasi nasional dan perpaduan negara. Sistem ini akan memastikan tidak ada deviationist teachings, dengan izin dari mana-mana pihak kepada generasi baru kita. Saya harap Kementerian Pendidikan kita tidak akan lewat-lewatkan ataupun menolak mana-mana permohonan untuk mendaftar tadika. Tidak harus kerajaan menghalang ataupun menyekat mana-mana pihak jikalau mereka bersedia mematuhi sistem pendidikan baru ini.

Sekolah vokasional dipertingkatkan ke sekolah teknikal dan saya difahamkan alat-alat dijual scrap, ataupun besi buruk. Ini Datuk Haji Ibrahim bin Ali hendak percuma tetapi saya mengesyorkan kepada kementerian supaya menjual ataupun menghadiahkan alat-alat ini kepada institusi-institusi teknikal swasta yang terkenal dan sedia ada sekarang. Saya juga harap kementerian membantu institusi-institusi teknikal swasta ini dengan memberi latihan kepada guru-guru institusi-institusi berkenaan dan menjaga taraf dan mutu adalah setanding dengan sekolah-sekolah teknikal kerajaan. Saya difahamkan lagi 5 tahun, negara kita akan menghadapi kekurangan 53,000 technicians dan 17,000 engineers. Ini akan menjejaskan cita-cita kita untuk mencapai Wawasan 2020, harus kerajaan mengambil tindakan segera dan sewajarnya untuk memperbaiki

situasi ini supaya wawasan kita tercapai dengan lebih pesatnya.

Mengenai kebimbangan kuasa Menteri Pendidikan akan disalahgunakan, tidak timbul sama sekali. Setelah 34 tahun mengimplementasi Akta Pelajaran 1961 beberapa orang telah menjawat sebagai Menteri Pendidikan tetapi tidak pernah berlaku Menteri Pendidikan menyalahgunakan kuasa. Mengapa khuatir sekarang? Dakwaan Menteri Pendidikan akan menyalahgunakan kuasa tidak berasas. Ini adalah dakwaan oleh pihak pembangkang yang menggembar gemburkan isu pendidikan dengan motif politik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melahirkan rasa kecewa kerana keutamaan tidak diberi kepada sukan. Mutu dan taraf sukan di kalangan remaja terutamanya di kalangan pelajar-pelajar merosot. Itulah sebabnya sukan negara kita keseluruhannya merosot begitu teruk. Saya mencadangkan kepada Menteri Pendidikan supaya sukan menjadi satu mata pelajaran di sekolah-sekolah kerajaan mahupun swasta. Saya juga mencadangkan Menteri Pendidikan mengadakan sekolah-sekolah sukan.....

Tuan Yang di-Pertua: Tuan M.G. Pandithan, boleh sambung besok ya?

Tuan M.G. Pandithan: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya Yang Berhormat Pandithan bahasa Melayunya lebih baik daripada sebelum masuk keranda dahulu. *[Ketawa]*

Tuan M.G. Pandithan: Sekarang saya boleh cabar sesiapa pun. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

